

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV

Bil. 5

Hari Selasa

19 Mei 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong

- Y.B. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin

(Ruangan)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Pertama
Penggal Keempat
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

“ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

“ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)

“ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara/
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 19 Mei 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

SUKAN KOMANWEL – SUMBANGAN BADAN KORPORAT

1. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah komitmen dan sumbangan-sumbangan yang diperolehi dari badan-badan korporat bagi membiayai Sukan Komanwel. Nyatakan badan-badan tersebut serta jumlahnya sekali. Apakah krisis kegawatan ekonomi telah menjejaskan komitmen yang selama ini diberikan oleh badan-badan korporat tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun negara sedang mengalami masalah kegawatan ekonomi pada masa ini, pihak Sukom Ninety Eight Berhad tidak mempunyai masalah dengan sektor korporat yang telah menandatangani perjanjian untuk menjadi penaja bagi sukan tersebut. Walau bagaimanapun, oleh kerana keadaan kegawatan Sukom Ninety Eight Berhad mengalami sedikit kesukaran bagi memperolehi penyumbang dari syarikat-syarikat yang baru.

Senarai penaja rasmi setakat ini dilaporkan oleh Sukom Ninety Eight Berhad kepada Kementerian Belia dan Sukan adalah seperti berikut:-

- (i) Bank Bumiputra Malaysia Bhd.;
- (ii) Telekom Malaysia Bhd.;
- (iii) Malaysia Airlines System;
- (iv) Petronas;
- (v) Nestle (M) Sdn. Bhd.;
- (vi) Syarikat Carlsberg;
- (vii) Siemen Nixdorf Information System (M) Sdn. Bhd.;
- (viii) Kodak (M) Sdn. Bhd.;
- (ix) Leopex (Sporting Goods) Sdn. Bhd.;
- (x) Pensonic Holdings Bhd.;
- (xi) Mastercard International;
- (xii) Pepsi-Cola (Thai) Trading Co. Ltd.;
- (xiii) Percetakan Nasional Malaysia Bhd.; dan
- (xiv) Canon.

Selain dari penaja rasmi Sukom Ninety Eight Berhad mendapat sumbangan melalui:-

- (i) Perlesenan dan penjualan barangan;
- (ii) Rakan Sukom; dan
- (iii) Penjualan hak penyiaran.

Setakat ini Sukom Ninety Eight Berhad melaporkan bahawa jumlah sumbangan yang telah diperolehi ialah sebanyak RM278 juta.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Soalan tambahan. Setakat ini berapakah jumlah syarikat-syarikat luar yang turut memberi sumbangan untuk menjayakan Sukom ini dan apakah insentif ataupun galakan yang diberi oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat sama ada di dalam ataupun di luar?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak membuat apa-apa kategori yang berasingan atau memberi insentif kepada mana-mana syarikat di luar oleh kerana pihak kerajaan berpendapat bahawa syarikat-syarikat yang menjadi 'prop supporter' atau penaja rasmi dengan secara 'direct' apabila mereka menjadi penaja mereka mendapat beberapa 'advantage', dengan izin, apabila mereka membuat pemasaran barangan mereka misal kata melalui Sukan Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum Sukan Komanwel ini adalah yang kedua terbesar di dunia, maka apabila mana-mana syarikat sama ada dalam negeri atau di luar negeri, bergabung bersama Sukom Bhd., maka dengan secara itu sudah memberi insentif kepada mereka.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, kita dapati walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi dan nilai mata wang kita yang rendah tetapi gagal untuk menarik pelancong-pelancong luar datang ke negara kita setakat ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah pihak kerajaan yakin bahawa Sukan Komanwel yang akan diadakan nanti akan mendapat sambutan daripada negara-negara luar terutamanya mereka yang akan hadir untuk melihat ataupun mengikuti pertandingan-pertandingan sukan yang akan diadakan dan bagaimana komitmen yang diterima oleh kerajaan daripada negara-negara luar setakat ini? Terima kasih.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan mempunyai keyakinan yang penuh bahawa sukan ini, insya-Allah akan menjadi satu sukan yang terbesar, setidak-tidaknya di rantau kita ini. Mengikut data yang telah diterima khususnya daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, 'response' daripada pelancong-pelancong agak memuaskan. Walau bagaimanapun, di dalam bulan-bulan yang akan datang semua tindakan akan dipertingkatkan dan penjualan-penjualan tiket akan diperhebatkan lagi, oleh kerana melalui penjualan tiket inilah dapat kita menentukan bahawa pelancong-pelancong akan hadir semasa Sukan Komanwel ini. Jadi, saya ingin menyakinkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa insya-Allah, Sukan Komanwel ini akan dihadiri bukan

hanya oleh rakyat Malaysia tetapi kita akan dapat pelancong yang datang daripada Barat dan daerah Timur juga.

IMP2 –PENDEKATAN BERKELOMPOK

2. **Dato' Chet Singh a/l Karam Singh** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kemajuan yang dicapai berhubung pendekatan berkelompok (cluster approach) ke arah pembangunan perindustrian seperti yang ditekankan dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kejayaan pendekatan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Dato' Chet Singh a/l Karam Singh bertarikh 26.5.1998 oleh kerana memandangkan soalan-soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Pelancaran Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP-2) pada 28 November 1996, kerajaan telah menubuhkan rangka kerja institusi untuk menyelaras dan mengawasi pelaksanaan IMP-2.

Rangka kerja institusi yang telah ditubuhkan terdiri dari:-

- (i) Majlis Penyelaras Perindustrian (ICC) yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dan
- (ii) Kumpulan Kerja Kelompok Sektor Awam-Swasta.

Kaedah “rolling plan”, dengan izin, juga telah dikenalpasti sebagai satu mekanisme untuk memastikan kejayaan pelaksanaan perancangan pembangunan perindustrian berasaskan kelompok. “Rolling plan”, dengan izin, melibatkan tiga proses kritikal yang berjalan secara berterusan, iaitu perancangan, pelaksanaan dan kajian semula.

Setakat ini setiap Kumpulan Kelompok sedang mengkaji secara terperinci beberapa isu berhubung: -

- (i) ekuiti;
- (ii) insentif;
- (iii) pembangunan sumber manusia;

- (iv) teknologi; dan
- (v) dasar perlindungan tarif.

Usaha ini sedang dijalankan secara berterusan dan setiap Kumpulan Kerja Kelompok akan mengemukakan cadangan khusus untuk membangunkan kelompok berkenaan.

Setakat ini, sektor automatif umpamanya, telah menuju ke arah peralihan sebagai industri berorientasikan 'manufacturing plus-plus', dengan berlandaskan kepada projek kereta nasional iaitu Proton dan Perodua. Industri ini bukan sahaja menumpukan kepada operasi perkilangan, malahan menyepadukan operasinya menerusi peningkatan rantai nilai seperti penglibatan dalam aktiviti P&P (R&D), pembangunan produk, pengedaran dan pemasaran. Industri ini juga telah dapat mewujudkan beberapa industri sokongan menerusi program pembangunan vendor dan pengeluar berbagai bahan dan komponen untuk industri kereta.

Begitu juga dalam industri perabot telah muncul rantai industri yang berasaskan kelompok dengan adanya pembekal-pembekal dan pengeluar komponen perabot tempatan dan juga syarikat-syarikat besar yang mengeluarkan perabot untuk dieksport. Dengan menyepadukan operasi menerusi rantai nilai ini, rangkaian perindustrian, produktiviti dan daya saing dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah membangunkan industri hiliran berasaskan sumber terus dijalankan oleh kerajaan untuk menentukan industri ini berkembang dan berdaya saing. Antaranya ialah: -

- (i) pemberian insentif galakan cukai seperti Galakan Tarif Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bagi keluaran dan aktiviti yang digalakkan. Ini bertujuan untuk memajukan lagi pertumbuhan industri hiliran berasaskan sumber yang mempunyai nilai tambah tinggi dan menggunakan sumber-sumber tempatan;
- (ii) menggalakkan pihak industri memaksimumkan penggunaan hasil sumber asli negara sedia ada dengan mengeluarkan berbagai keluaran yang bernilai tambah tinggi;

- (iii) menggalakkan pengeksporan keluaran industri hiliran yang mempunyai nilai tambah dengan mengenakan sekatan eksport atau levi eksport ke atas bahan-bahan mentah yang tidak diproses. Sebagai contoh, levi eksport dikenakan kepada kayu gergaji dan minyak sawit mentah; dan
- (iv) meningkatkan strategi pemasaran masa depan yang lebih berorientasikan eksport produk pelanggan siap dan meningkatkan produk berjenama Malaysia.

Kemajuan yang telah dicapai untuk menggalakkan pengeluaran barangan nilai tambah dalam sektor ini bagi pasaran eksport antaranya ialah:-

- (i) eksport keluaran aktiviti hiliran berasaskan kayu seperti perabot dan kelengkapan perabot, papan lapis, venir, panel dan kayu kumai pada tahun 1997 sebanyak RM8,581.7 juta berbanding dengan eksport kayu gergaji dan kayu balak sebanyak RM6,499.3 juta;
- (ii) eksport keluaran aktiviti hiliran berasaskan getah seperti barangan lateks, tayar, tiub dalaman, kasut dan barangan getah perindustrian dan umum untuk tahun 1997 adalah sebanyak RM4,940.7 juta manakala eksport keluaran komoditi asas seperti “Standard Malaysian Rubber”, “Raw Latex” dan “Smoke Sheet” pula, dengan izin, adalah sebanyak RM2.9 juta; dan
- (iii) di dalam industri minyak kelapa sawit pula, eksport keluaran aktiviti hiliran iaitu dengan izin “oleochemical’ pada tahun 1997 ialah RM1,207.5 juta manakala eksport keluaran komoditi asas iaitu, dengan izin “crude palm oil” pula ialah sebanyak RM41.9 juta.

Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkenaan dengan topik ini ialah, adakah pihak kerajaan berpuas

hati dengan apa yang kita telah buat sekarang ini terutama sekali apabila kita mendengar semalam atau hari yang lepas itu di mana kita diberitahu oleh pihak kerajaan 18 buah syarikat telah pun ditutup dan sebab di antara lain ialah kerana tempat kita ini, negara kita ini tidak mempunyai harga ataupun kos production yang rendah, kita tidak menggalakkan, jadi, mereka telah pun keluar dari negara Malaysia untuk meletakkan pelaburan mereka di negara yang menggunakan tenaga yang murah ini.

Soalan saya, apabila pihak kerajaan menyebut tentang pembangunan sumber manusia untuk melahirkan tenaga mahir dan separa mahir, skilled and semi skilled dan juga tenaga yang mempunyai ilmu dan bestari. Adakah ini dibuat sejajar dengan apa yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan di mana kita dapati blue collar workers, pekerja-pekerja kolar biru yang menggunakan dari segi kemahiran teknik dari segi institusi pengajarannya amatlah sedikit kalau dibandingkan dengan pembangunan institusi pengajian tinggi kita diberitahu misalnya daripada 60,000 mereka yang berkelulusan pangkat satu SPM akan dapat masuk dan kadang-kadang tidak dapat masuk ke institusi pengajian tinggi, tetapi dari segi hendak melahirkan tenaga mahir dan semi mahir dari segi teknikal blue collar worker ini tadi, yang berkolar biru ini tadi, untuk hendak menampung keperluan pelabur-pelabur asing untuk menetap di sini.

Jadi, bagaimanakah ini agak mungkin bercanggah dengan realitinya seperti yang kita sedia ada sekarang ini.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini lebih baik diajukan sama ada kepada Kementerian Pendidikan mahupun Kementerian Sumber Manusia. Oleh kerana, kalau kita melihat dari segi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, walaupun ada diterangkan dalam sesi Dewan Negara bahawa 18 kilang telah pun ditutup tetapi penutupan kilang ini ada sebab-sebab tertentu. Salah satu sebabnya boleh jadi ialah kita kekurangan buruh, kita kekurangan manpower, dengan izin, yang bersesuaian.

Nombor duanya, kos yang meningkat, apabila kita ada mengimport barangan asas ataupun raw material dari luar negara, dengan adanya masalah

penurunan nilai Ringgit, maka kos raw material atau barangan asas ini menjadi tinggi dan value-added ataupun penambahan nilai yang ada dalam negara setelah barangan ini diproses, tidak begitu tinggi untuk mereka bersaing di peringkat antarabangsa.

Jadi, antara sebab kilang ini ditutup adalah kerana kos yang tinggi dan juga oleh kerana ketidakcukupan tenaga buruh ataupun sumber manusia sama ada kerajaan akan memastikan labour ataupun guna tenaga manusia diberikan pelajaran pendidikan di dalam bidang tertentu seperti kejuruteraan, teknikal dan sebagainya, saya rasa memang menjadi satu dasar kerajaan untuk memastikan agar kilang-kilang di seluruh negara ini sama ada skilled sama ada semi skilled, sama ada knowledgeable workers, dengan izin, mendapat tempat yang utama di dalam negara ini.

Jadi, saya tidak hendak menjawab dari segi berkenaan dengan latihan yang telah diberikan oleh Kementerian Sumber Manusia mahupun Kementerian Pendidikan, hanya dari segi aspek penjurusan sahaja yang saya dapat jawab.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua, perkara yang ditekankan ialah agihan kawasan industri bagi negeri-negeri yang terpencil seperti negeri Perlis, Kelantan dan sebagainya. Setakat ini apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dari segi membantu negeri-negeri tersebut dan apakah manfaat yang diperolehi daripada IMT-GT yang satu masa dahulu kita heboh-hebohkan?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan di dalam IMP-2 ataupun di dalam Industrial Master Plan yang kedua kita memang menggalakkan dari segi relocation ataupun meletakkan kilang-kilang bukan hanya di kawasan Koridor Barat Semenanjung tetapi juga di pantai timur Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita memberikan begitu banyak sekali galakan dari segi memastikan agar kilang-kilang yang rasanya oleh kerana mereka ini tidak dapat dari segi kos terlampau tinggi di kawasan pantai barat Semenanjung, maka kita galakkan mereka merelokasikan kilang mereka di pantai timur Semenanjung mahupun di Sabah dan di Sarawak. Perlis termasuk dalam pantai barat.

Jadi, kita berharap dengan adanya proses relokasi ini, maka proses perindustrian kos pengeluaran dapat dikurangkan. Dari segi IMT-GT saya tidak ada maklumat dalam perkara ini.

PERKHIDMATAN BAS - SISTEM MONOPOLI DALAM PENGURUSAN

3. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan akhir-akhir ini terdapat pengurusan syarikat-syarikat bas yang besar yang mempunyai monopoli di bandar-bandar di Malaysia mengengking arah-arah menteri dan berani mencabarnya. Apakah tindakan yang beliau akan ambil dan akan menghapuskan sistem monopoli ini supaya laluan operasi bas-bas syarikat ini tidak dimonopoli oleh sebuah syarikat sahaja.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bas di Kuala Lumpur dan juga di Lembah Klang menghadapi beberapa masalah, antaranya termasuklah terlalu banyak syarikat, saingan yang hebat yang menyebabkan amalan yang tidak beretika sehingga menjejaskan keselamatan penumpang, kesalahan-kesalahan jalan raya yang dilakukan oleh perkhidmatan bas dan ini menjejaskan imej negara.

Oleh itu pada bulan September 1993 kerajaan telah membuat keputusan untuk menggabungkan kesemua syarikat-syarikat bas di Kuala Lumpur di bawah dua konsortium iaitu Intrakota Consortium Berhad (ICB) sebuah anak syarikat Kumpulan DRB-Hicom dan Park May Berhad.

Kedua-dua syarikat ini iaitu ICB dan Park May telah pun membeli syarikat-syarikat lain di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan di Dewan ini bahawa sebenarnya tidak ada monopoli dalam perkhidmatan bas di Kuala Lumpur, hari ini terdapat 14 buah syarikat kesemuanya sekali, kebetulan Intrakota merupakan syarikat terbesar.

Pada hari ini 14 syarikat di Lembah Klang mempunyai 1,984 buah bas, yang terbesar ialah Intrakota mempunyai 877 buah bas, City Liner dimiliki oleh Park May sebanyak 322 buah bas, Arden Link sebanyak 100 buah bas, Mascara Express sebanyak 184 buah bas, Syarikat Bas Len Seng sebanyak 107 buah bas.

Ini merupakan lima syarikat bas terbesar di Kuala Lumpur, ada sembilan lagi yang kecil-kecil yang tidak disebut namanya.

Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur tidak ada monopoli, begitu jugalah di Pulau Pinang, Johor Bahru dan juga di bandar-bandar besar yang lain tidak ada monopoli dalam perkhidmatan bas ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan April tahun ini timbul sedikit kekecohan apabila pihak Intrakota mengambil alih sepenuhnya perkhidmatan bas mini di Kuala Lumpur, kita ada 207 buah syarikat bas mini yang menjalankan operasi kira-kira 850 buah bas mini, perkhidmatannya ditamatkan pada bulan Mac tahun ini dan semasa transition ataupun peralihan terdapat sedikit kekecohan oleh kerana adanya kenyataan oleh pihak-pihak tertentu yang telah mengecewakan warga kota termasuklah dakwaan kerugian yang dialami oleh Intrakota, masalah traffic jam yang mengakibatkan jadual tidak ditepati dan lain-lainnya.

Berikutan daripada kekecohan tersebut, pihak saya telah mengambil keputusan untuk mengadakan perbincangan mingguan dengan syarikat-syarikat berkenaan dan hari ini kita ada perbincangan mingguan yang ketiga, kita mulakan tiga minggu yang lalu. Tujuan diadakan perbincangan mingguan antara Park May dan Intrakota ialah untuk meneliti segala aduan oleh orang ramai termasuklah oleh persatuan-persatuan resident ataupun penduduk dan juga aduan yang dibangkitkan dalam media massa.

Hari ini diadakan perjumpaan yang ketiga dan pada perjumpaan hari ini kita juga menjemput pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di mana kita telah diberi taklimat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tentang perubahan ataupun projek yang sedang dilaksanakan untuk memperbaiki infrastruktur pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dari perjumpaan mingguan ini beberapa pembaharuan telah pun dilakukan umpamanya, pihak Intrakota telah pun mengiklankan senarai laluan dan juga jadual waktu perkhidmatan, semalam keluar dalam surat khabar. Selain dari itu pihak Intrakota juga telah memaklumkan tentang 'public service line', boleh menelefon dan nombor telefon ialah 7077771

boleh menelefon Intrakota untuk membuat sebarang aduan. Ini pembaharuan-pembaharuan yang telah dilakukan setelah perjumpaan mingguan ini diadakan.

Hari Rabu minggu depan jam 12.00 iaitu perjumpaan kali keempat, kita akan turut menjemput pihak MTUC dan juga pihak persatuan pengguna bersama dengan Intrakota dan Park May. Kementerian berpendapat dengan adanya langkah-langkah ini, maka perkhidmatan bas di Lembah Klang akan dapat diperbaiki.

Saya ingin jelaskan sekali lagi bahawa sebenarnya tidak ada monopoli dalam perkhidmatan bas di Kuala Lumpur dan Lembah Klang, ada 14 buah syarikat, tetapi yang terbesar ialah Intrakota dan juga Park May.

Kementerian sedar masih banyak kelemahan yang perlu diperbaiki dan langkah-langkah sedang diambil dan kita akan berusaha untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam di Kuala Lumpur dari masa ke semasa.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tuntut faham dengan Yang Berhormat Menteri, walau bagaimanapun kita ucap tahniah dahulu di atas usaha-usaha pragmatik yang telah dilaksanakan oleh kementerian dan Yang Berhormat Dato' Menteri. Mutakhir ini kita dapati ada pemilik dan pengurusan syarikat-syarikat bas yang besar seperti bas ekspres yang telah mempunyai pemandu-pemandu yang kurang beretika dan tidak menjaga keselamatan jalan raya sehingga ada berlaku kemalangan, kematian yang di luar kebiasaan. Apakah dakwaan yang menyatakan pengurusan dan pemilik bas ekspres berkenaan tidak mempunyai kecukupan pengurusan yang baik sehingga mengambil pemandu-pemandu bas ekspres yang terlalu muda, yang tidak beretika langsung dan telah menimbulkan banyak masalah di dalam perjalanan mereka yang boleh menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan masyarakat kita.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini melibatkan juga Kementerian Pengangkutan dan langkah-langkah sedang diambil oleh JPJ khususnya untuk memperbaiki mutu perkhidmatan. Pihak Lembaga Pelesenan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan sedang juga menyusun semula bas ekspres ini, terlalu banyak juga, sebanyak 209 buah bas ekspres, 5,000 semuanya bas ekspres, lesen-lesen ini telah diberikan dalam tempoh lima, enam

tahun yang lalu, memang bilangannya begitu banyak dan kita sedang menyusun semula sepertimana kita buat untuk perkhidmatan bas di Lembah Klang, perkhidmatan bas ekspres juga sedang disusun semula.

Memanglah pengurusan kurang baik dan bersama-sama dengan Kementerian Pengangkutan, kerajaan sedang melaksanakan program bukan sahaja bagi meningkatkan tetapi memperbaiki pengurusan tetapi juga untuk memastikan bahawa pemandu-pemandu akan memandu dengan cara yang lebih berhemat dan cermat agar dapat dikurangkan kemalangan di jalan raya.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, perkhidmatan bas mini di kawasan Lembah Klang seperti Intrakota dan sebagainya, kita masih melihat pengguna-pengguna menggunakan khidmat bas ini masih terlalu padat muatannya. Adakah pihak kementerian telah membuat kajian untuk meminimumkan penggunaan bas-bas mini di kawasan kota raya supaya pengguna ini dapat selesai.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tidak banyak lagi bas mini. Dahulu sebanyak 850 buah kesemuanya sudah pun tidak ada di jalan raya, yang ada bas kecil sekarang ini kepunyaan Intrakota, bilangannya cuma kira-kira 50 buah bas sahaja untuk menggantikan perkhidmatan bas mini. Jadi, dari segi saiz bas di Kuala Lumpur ini tak banyak lagi bas kecil, kebanyakan bas kalau Intrakota dipanggil, dengan izin, 'mega rider' iaitu bas panjang dan besar dari segi saiz, cumanya dari segi kesesakan ini berlaku pada waktu puncak ataupun peak hours iaitu dari pukul 6.30 pagi hingga 9.00 pagi dan dari jam 4.00 petang hingga 7.00 malam di sebelah petang. Ini amatlah sukar untuk mengatasi masalah dengan sepenuhnya, memang kita sedar bahawa penumpang dalam keadaan kurang selesa dan penuh sesak di waktu-waktu peak hours ini, kita akan terus berusaha untuk memastikan bahawa keselesaan penumpang akan dapat dijamin dan terpelihara.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sama ada pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan konsortium yang sama di negeri-negeri yang kurang maju seperti di wilayah utara dan juga pantai timur bagi memulihkan perkhidmatan pengangkutan awam ini

sebab terdapat agensi-agensi kerajaan yang menghadapi masalah dalam menguruskan syarikat-syarikat bas.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan konsep konsortium bagi menggabungkan syarikat-syarikat bas ini. Di Johor Bahru telah pun terlaksana, di Pulau Pinang telah pun terlaksana walaupun tidak sepenuhnya dan pagi tadi saya menerima satu lagi cadangan daripada Ipoh untuk mengadakan konsortium di negeri Perak.

Jadi, ringkasnya konsep konsortium ini sedang berjalan tetapi belum sepenuhnya dan insya-Allah akan sampai ke negeri Perlis.

AKTA PENAPISAN FILEM - SEMAKAN SEMULA

4. Puan Hajah Khadijah binti Awang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah kerajaan akan menyemak semula Akta Penapisan Filem bagi meminda peruntukan-peruntukan yang ketinggalan zaman bagi menghalang pemilikan bahan-bahan lucah dan yang diharam dan meminda juga Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedang menggubal suatu Akta Penapisan Filem yang baru bagi menggantikan akta yang sedia ada iaitu Akta Filem (Penapisan) 1952. Di antara tujuan pindaan ini adalah untuk memperkemaskan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan berkaitan filem lucah dan filem-filem yang tidak ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di samping Akta Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri juga sedang mengkaji Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 untuk dipinda supaya bersesuaian dan selaras dengan perkembangan semasa.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini kita banyak membicarakan masalah filem-filem yang mempunyai konsep ataupun pendekatan yang dikatakan lucah. Bolehkah kita tuntutan faham daripada kerajaan, setakat ini apakah kriteria ataupun piawai ataupun bentuk standard yang dikatakan lucah dari kaca mata dan pandangan kerajaan.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang ada garis panduan yang terperinci untuk diikuti oleh Lembaga Penapisan Filem dan secara umumnya garis panduan itu adalah berdasarkan kepada nilai kemoralan negara kita iaitu negara yang ada nilai kita sendiri, kita ambil kira dari segi agama, dari segi tradisi kita, dari segi kita punya masyarakat majmuk dan sebagainya.

Jadi, kita tidak mengikut garis panduan orang Barat, apa yang diterima oleh pihak Barat tidak semestinya kita setuju.

Tuan Tan Ek Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini filem kartun didapati ada unsur-unsur keganasan. Adakah kementerian berhasrat untuk meminda apa-apa akta untuk penapisan filem kartun di TV-TV kita?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya akta pada masa kini boleh mengawal unsur-unsur yang ganas atau lucuh, kalau sekiranya ada filem kartun yang dikatakan selepas tapisan masih kita tidak puas hati, Ahli Yang Berhormat boleh memberi kita contoh dan saya boleh sampaikan kepada Lembaga Penapisan Filem supaya mereka boleh mengkaji sama ada terlalu longgar ataupun ketat, akan tetapi kadangkala apabila kita hendak menerima aduan dari setengah-setengah pihak mengatakan sesuatu itu ganas sangat dan sebagainya, tetapi ada juga pihak lain yang banyak juga mengatakan sesuatu filem itu termasuk kartun itu sudah tidak lengkap apabila dipotong di sana sini sampai nilai filem itu, dia punya continuity, dengan izin, sudah tidak ada. Jadi, Lembaga Penapisan Filem sentiasa dalam satu keadaan dengan izin, 'sandwich in between', tetapi walau bagaimanapun, kita tidak kompromikan nilai, selalunya kita mengambil satu keseimbangan.

Tuan Tan Ek Huat: Tuan Yang di-Pertua, kartun kalau kita lihat macam Hi Man yang saya tahu dia berunsurkan keganasan ada perlawanan dengan menggunakan pedang dan sebagainya dan pelbagai senjata. Saya rasa anak-anak kecil ini akan mengikut pelakon-pelakon di dalam filem itu dan juga Ultraman ini juga mempunyai unsur keganasan, saya rasa ini adalah contoh-contoh yang saya dapat, adakah kerajaan hendak memberhentikan tayangan filem-filem seperti ini? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kita kena kaji dari banyak pandangan, kadangkala kalau pada keseluruhannya sesuatu filem itu mempunyai nilai pendidikan ataupun ia ada juga mempunyai unsur-unsur pengajaran yang baik, kita kena terima tetapi saya bersetujulah kalau terlalu ganas, kita kena tapis ataupun potong. Tetapi walau bagaimanapun, kita akan sampaikan pandangan ini kepada Lembaga Penapisan Filem.

PROJEK HIDRO ELEKTRIK BAKUN - PEMBINAAN

5. Tuan Janggu Anak Banyang minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai pengambilalihan projek Hidroelektrik Bakun oleh kerajaan baru-baru ini:-

- (a) adakah Projek Hidro Bakun ini masih diteruskan pembinaannya; dan
- (b) berapa peratuskah kerja-kerja yang telah dijalankan di Bakun setakat ini dan adakah perpindahan penduduk di Bakun akan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah membuat keputusan untuk menangguhkan pelaksanaan Projek Hidroelektrik Bakun tetapi meneruskan beberapa komponen projek yang sedang berjalan seperti, dengan izin, pembinaan 'river diversion tunnels' dan penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat di dalam kawasan projek.

Sehingga kini, kerja-kerja pembinaan 'river diversion tunnels' telah siap sebanyak 65%. Mengenai perpindahan penduduk, kerajaan akan meneruskan usaha-usaha menempatkan penduduk-penduduk asli di kawasan projek seperti mana yang telah dijadualkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada kerajaan telah mengalami kerugian di dalam Projek Hidroelektrik Bakun ini dan berapa banyak kerugian yang dialami.

Satu lagi, projek ini adalah projek nasional, sama ada kerajaan bercadang untuk meneruskan projek ini di samping kita boleh memberi keyakinan kepada rakyat di Sarawak itu sendiri dan membantu masalah kekurangan air sekarang ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, hendak dikatakan kerugian, belum lagi dijual produk itu, Yang Berhormat. Jadi, setakat ini apabila kerajaan memutuskan pada 20 November 1997 untuk mengambil alih dan menamatkan kerja-kerja Ekran dan kerajaan menentukan untuk mengambil alih projek Bakun ini, kerajaan memilih untuk mengambil alih aset dan liabiliti syarikat Bakun Hidroelektrik Corporation ini yang dikuasai oleh Ekran.

Di dalam usaha ini, kerajaan terpaksa membayar lebih kurang RM770 juta untuk mengambil alih aset dan liabilities ini, jadi pada saya itu bukan lagi kerugian, itu merupakan satu investment dan projek ini ditangguhkan sementara waktu untuk menunggu masa yang sesuai untuk diteruskan.

Jadi, setakat ini komitmen kerajaan ialah RM770 juta untuk mengambil alih segala aset dan liabiliti Bakun Hidroelektrik (BHE) dan dari segi manfaat kepada negara memanglah manfaatnya yang utama adalah daripada penambahan tenaga electricity. Bakun bukanlah satu projek untuk memberi air untuk irigasi, ianya untuk tenaga electricity.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar kepada mereka yang terlibat dan bilakah agaknya pampasan ini selesai dibayar kepada mereka itu?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat maksudkan kepada penduduk-penduduk yang hendak dipindahkan?

Datuk Haji Sairin bin Karno: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini proses ini sedang berjalan dan untuk saya memberi setakat ini harganya ianya tidak mungkin kerana selepas proses pemindahan ini selesai barulah kita akan dapat tahu banyak mana yang terlibat dalam kos pemindahan penduduk-penduduk ini.

PERMOHONAN SENJATA API UNTUK PETANI -

PROSES KELULUSAN

6. **Tuan Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan peratus kelulusan yang diberi kepada pemohon senjata api bagi petani-petani untuk menjaga tanaman mereka dan bagaimana pihak kementerian membuat proses kelulusan kepada pemohon yang benar-benar layak.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa tiada peratusan diletakkan terhadap pemohon-pemohon senjata api kepada petani bagi penjagaan tanaman.

Walau bagaimanapun, kementerian telah menetapkan beberapa syarat dan kelayakan yang mesti dimiliki oleh seseorang petani bagi pertimbangan memiliki senjata api. Antaranya ialah mereka perlu memiliki atau mengerjakan tanah sendiri atau tanah keluarga sendiri. Selanjutnya tanah yang dikemukakan mestilah tanah pertanian atau dusun yang diusahakan dan menghadapi ancaman musuh tanaman. Kesemua maklumat ini akan diperolehi dan disahkan oleh Pegawai Pertanian Daerah di mana tanah-tanah tersebut terletak.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan ini ada beberapa kali sebelum ini telah ditimbulkan dan saya turut bertanya kepada Yang Berhormat terutama Menteri Dalam Negeri mengenai dengan masalah tuntutan waris senjata api yang telah sedia ada kepada mereka yang tinggal di pedalaman. Masalahnya ialah orang-orang di pedalaman kebanyakan tanah-tanah mereka ini tidak mempunyai geran dan tidak mempunyai apa-apa dokumen.

Jadi, bagaimana mereka boleh menuntut waris senjata api yang telah dimiliki oleh orang tua mereka sebelum ini.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dasar untuk mengeluarkan lesen senjata api pada masa kini adalah kita tidak menganggap senjata api itu merupakan sesuatu yang boleh diwarisi iaitu kalau sekiranya anak atau cucu hendak memiliki senjata api yang pada satu ketika dimiliki oleh datuk atau bapanya, mereka sendiri kena layak mendapat lesen mengikut kriteria yang sama, kalau mereka layak maka dia dapat lesen, dia boleh membeli senjata api yang diluluskan.

Jadi, masih ramai pemohon ingat kalau ada senjata api milik keluarganya, maka itu boleh diwarisi. Sebenarnya, tidak boleh. Mereka kena terlebih dahulu memenuhi syarat, tidak semestinya bapanya penuhi syarat, anaknya mesti memenuhi syarat yang sama, dia tidak semestinya, itu adalah kes yang berlainan.

Tuan Ibrahim bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sahajalah berkenaan dengan permit senjata api ataupun kebenaran. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada Ahli Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat mempunyai kebenaran untuk memiliki senjata api, di situ ada ternyata atau tertuli syarat, ini saya hendak tahu fahaman, kalaulah kita telah menamatkan perkhidmatan kita dalam Dewan, adakah senjata api itu terus akan dapat kita miliki?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, syarat lesen senjata api dikeluarkan kepada wakil rakyat adalah berdasarkan kepada kedudukan dan tugas risiko yang dihadapi oleh wakil rakyat. Pada dasarnya apabila wakil rakyat itu telah tamat sebagai wakil rakyat, pihak polis boleh meminta untuk serah balik termasuk saya sebagai Timbalan Menteri ada syarat yang sama kecuali kalau wakil rakyat itu dia selepas tamat tempohnya masih ada keperluan seperti seorang peniaga, dia mempunyai banyak aset, dia terdedah kepada banyak risiko dan sebagainya, maka dia layak, dia boleh memohon atas nama individu dan tidak lagi sebagai wakil rakyat.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kalau sudah tamat tempohnya kebenaran itu akan ditarik balik, kalau sesiapa berniaga boleh ditimbangkan. Apakah kalau ia seorang peguambela dan peguamcara, *[Ketawa]* bolehkah meminta kebenaran itu dilanjutkan, sebab seseorang peguam sentiasa masuk lock-up, masuk penjara, di dalam mahkamah pun menghadapi ramai orang pendatang asing, ini pun amat merbahaya juga kepada para peguam. Betulkah atau tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri? *[Ketawa]*

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan, maksud saya bukan kata kalau wakil rakyat itu jadi businessman, maka dia dapat. Bukan semua businessman boleh dapat, kalau businessman itu dia tidak terdedah kepada risiko, maka dia tidaklah sepatutnya memiliki senjata api. Lagi pun sejak beberapa tahun yang lalu, nampaknya ada penyelewengan, penyalahgunaan senjata api, kerajaan sudah ketatkan syarat pengeluaran senjata api. Kadangkala ada orang mendapat senjata api dia hendak "show off" ataupun bila dia sudah bergaduh, dia letak pistolnya di atas meja, ini berlaku di kalangan businessman. Jadi, sekarang sudah banyak ketat, maksud saya ialah kalau seseorang individu tidak kira dia bekas wakil rakyat atau tidak pernah menjadi wakil rakyat, kalau dia seorang yang benar-benar terdedah kepada risiko dan dia berkelakuan sangat baik, dia tidak ada lain-lain rekod yang tidak ada kecenderungan mungkin salah guna, maka polis boleh menimbang. Bagi peguam, kalau keluar masuk mahkamah ada polis memberi perlindungan. Kalau pergi penjara pun tidak ada masalah, pendatang tanpa izin semuanya terkurung, takkan kita hendak tembak mereka di situ. *[Ketawa]* Jadi, peguam pun macam individu yang lain juga.

TENAGA MENGAJAR BERKUALITI – LANGKAH KERAJAAN

7. **Tuan Tan Ek Huat** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah dan usaha-usaha kerajaan untuk memastikan tenaga mengajar yang berkualiti mencukupi di institut pengajian tinggi di negara kita memandangkan permintaan untuk tempat-tempat IPT telah meningkat dengan pesat.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan tenaga akademik yang mencukupi dan berkualiti sejajar dengan pertambahan pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Antaranya ialah:

- (i) mengadakan skim latihan akademik untuk mendapatkan tenaga kerja baru:
- (ii) memperbaiki skim perkhidmatan pensyarah melalui pengkorporatan institusi pengajian tinggi (awam) untuk mengekalkan pensyarah sedia ada di samping menarik mereka yang berkaliber berkhidmat di universiti-universiti tempatan;
- (iii) menggalakkan penyelidikan dan penerbitan yang merupakan satu usaha untuk meningkatkan kualiti akademik pensyarah; dan
- (iv) menggalakkan tenaga akademik daripada satu universiti dipinjamkan ke universiti lain mengajar dalam bidang-bidang tertentu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya membuat sedikit kajian berkenaan dengan kelayakan dari segi pensyarah-pensyarah kita ini terutama sekali dari segi pengeluaran hasil penyelidikan ilmiah. Kita dapati dengan bertambahnya universiti-universiti tempatan terutamanya universiti-universiti awam dan juga swasta, tetapi apabila kita kaitkan universiti

yang banyak ini dengan tenaga pengajar dengan publication dari segi penyelidikan ilmiah, amat berkurangan. Jadi, macam manakah ukuran yang dibuat oleh pihak kementerian untuk hendak mengatakan bahawasanya mereka yang digunakan sebagai tenaga pengajar ilmiah di peringkat-peringkat institusi pengajian tinggi – di universiti-universiti ini mempunyai pendekatan, dengan izin, the inquiring mind, intelek yang tinggi sehinggakan dapat mengkaji El-Nino, La Nina yang kita sebutkan, pengkajian sosial di negara kita ini, air dan sebagainya. Semua ini kita bergantung dari kajian ilmiah orang luar. Jadi, apakah kaitannya?

Bagaimana pihak kementerian hendak menggalakkan supaya mereka ini benar-benar mempunyai kualiti tenaga pengajar ilmiah dengan menunjukkan dari segi publication, apakah ia ada ratio? Adakah pihak kementerian menerusi universiti menetapkan bahawasanya pensyarah-pensyarah universiti ini ataupun mereka yang mempunyai qualification Ph.D – itu satu. Yang keduanya mereka terpaksa mengeluarkan kertas-kertas ilmiah yang berkaitan dengan subject matter yang mereka ajar. Kalau tidak promotion dan sebagainya terbantut ataupun dibantutkan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu adalah keperluan dan kriteria universiti. Kita hanya boleh melantik seorang pensyarah yang mempunyai Masters atau Ph.D dan selepas itu untuk dinaikkan pangkat dari pensyarah kepada profesor madya ataupun profesor, mereka haruslah mempunyai penerbitan-penerbitan dalam akademik dalam bidang-bidang yang tertentu. Semua proses kenaikan pangkat ini kita ada referee dari luar negara dan hanya dengan persetujuan mereka universiti tempatan bolehlah memberi pensyarah-pensyarah itu pangkat yang lebih tinggi. Untuk dijadikan sebagai profesor mereka haruslah mempunyai taraf sama dengan profesor-profesor yang lain dari universiti-universiti ternama.

Saya rasa secara amnya tidak betul menyatakan bahawa pensyarah-pensyarah tempatan tidak mempunyai penerbitan akademik yang cukup. Ada banyak pensyarah di universiti-universiti kita ini sekarang bukan sahaja hasil daripada penyelidikan mereka ada banyak kertas kerja, ada banyak penerbitan di jurnal-jurnal ternama dan hanya kita rasa kekurangan ialah di bidang-bidang berteknologi tinggi di mana kita menghadapi masalah kekurangan kemudahan dan sebagainya dan itu juga memerlukan banyak peruntukan. Di bidang-bidang tersebut oleh kerana universiti-universiti baru itu adalah hasil daripada penciptaan di negara-negara Barat khususnya kita akan galakkan universiti tempatan bekerja dengan lebih rapi dengan universiti-universiti tersebut supaya di bidang tersebut juga kita boleh dapat hasil penerbitan yang banyak.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya masih ingat lagi semasa kita meluluskan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, pihak kementerian menyatakan bahawa penubuhan pusat-pusat pengajian tinggi swasta ini akan dikaji dengan teliti dan pihak kementerian akan mengawal penubuhannya, tetapi baru-baru ini apabila saya melihat di muka-muka akhbar, saya dapati banyak institut-institut pengajian tinggi swasta yang kita tidak pernah dengar namanya pun. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejak kita meluluskan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, berapakah bilangan institusi pengajian tinggi swasta baru yang telah ditubuhkan dan juga saya ingin mendapat maklumat daripada pihak kementerian berapakah bilangan tenaga pengajar yang ada di negara kita, terdiri daripada rakyat asing dan berapa peratuskah

bilangan mereka ini berbanding dengan keseluruhan tenaga pengajar yang ada di negara kita kerana saya berpendapat bahawa untuk kita membimbing pelajar-pelajar ini kita bukan sahaja hendak meningkatkan akademiknya, kita perlu juga melihat kepada pembangunan insaniahnya yang mana kita perlu melihat pembangunan mereka ini dari segi akademik dan juga dari segi rohani.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, di sini kita harus bezakan dua kategori. Pertama ialah universiti swasta. Dengan adanya Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta ini kita izinkan pihak swasta menubuhkan universiti. Sejak akta itu diluluskan Kementerian Pendidikan telah meluluskan sebilangan kecil sahaja pihak-pihak yang boleh menubuhkan universiti swasta ini termasuklah Universiti Telekom, Universiti Tenaga, Universiti Petronas dan baru-baru ini kita izinkan, dengan izin, International Medical College untuk dinaikkan taraf menjadi International Medical University. Jadi, memang Kementerian Pendidikan mengkaji setiap permohonan dengan teliti supaya hanya mereka yang mempunyai kemudahan dan kualiti yang cukup yang kita izinkan, bukan sesiapa sahaja kita akan luluskan.

Dari segi universiti-universiti asing, setakat ini kita hanya luluskan satu sahaja permohonan iaitu Monash Universiti dari Australia – sebuah universiti yang tidak boleh dinafikan sebagai sebuah universiti – di antara yang terbaik sekali. Bukan sahaja di Australia tetapi di dunia. Jadi, kita jemput dan mereka bersetuju untuk mengadakan kampus cawangan di Kuala Lumpur. Dengan itu kita boleh naikkan Malaysia sebagai pusat pendidikan untuk rantau ini.

Dari segi pensyarah ini memang kita ada syarat iaitu kita memberi keutamaan kepada pensyarah-pensyarah tempatan. Kalau ada pensyarah-pensyarah tempatan kita tidak izin mereka mengambil pensyarah-pensyarah asing tetapi di bidang-bidang tertentu, misalnya di bidang perubatan, di bidang-bidang berteknologi tinggi dan sebagainya di mana kita bukan sahaja kekurangan pensyarah tetapi kekurangan pakar di bidang tersebut. Jadi, dalam bidang-bidang tersebut, kadangkala kita izinkan mereka mengambil pensyarah dari luar negara.

GURU - HADIAH PERGERAKAN GAJI

8. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

(a) kenapa Hadiah Pergerakan Gaji bagi guru-guru yang memiliki diploma dan STPM diberi kepada hanya ahli KPPK sahaja mulai 1.1.1992; dan

(b) sama ada guru-guru yang bukan ahli KPPK layak mendapat Hadiah Pergerakan Gaji ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan bagi soalan (a) dan (b), guru-guru gred DG6 yang memiliki kelayakan akademik lebih tinggi di peringkat STPM atau Diploma yang diiktiraf ketika dalam perkhidmatan, layak menikmati pemberian Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1994. Kuat kuasa pemberian HPG ini adalah mulai 1 Oktober 1993. Sungguhpun demikian bagi mereka

yang menjadi ahli Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) pada atau sebelum 20 Jun 1995 dan memiliki kelayakan akademik lebih tinggi sebelum 1.1.1992, mereka layak menikmati pemberian HPG mulai 1.1.1992. Ini berdasarkan keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam No. 41 Tahun 1994/SSB - Tuntutan daripada Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan.

Bagi mereka yang menjadi ahli KPPK selepas 20 Jun 1995 serta mereka yang bukan ahli KPPK dan memenuhi syarat yang ditetapkan, secara tidak automatik boleh mendapat faedah keputusan TPA ini. Mereka boleh mendapat faedah keputusan TPA berkenaan melalui proses pemanjangan di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1997 di mana setiap permohonan yang dikemukakan akan diberi pertimbangan oleh Urusetia Jawatankuasa Pemanjangan di Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, jika tribunal memberi keputusan adakah mereka di kementerian pertimbangkan mereka layak menerima gaji yang dicadangkan? Jika tribunal memberi keputusan seperti Yang Berhormat katakan tadi tribunal memberi keputusan kepada ahli-ahli KPPK, kalau hak sendiri ahli atau tidak ahli, tribunalkah memberi keputusan, kemudian kementerian menimbang gaji yang sama? *[Ketawa]*

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang kita akan memberi gaji yang sama oleh kerana atas keputusan sama ada mereka adalah ahli KPPK atau bukan ahli. Jabatan Perkhidmatan Awam mempunyai kuasa untuk memberi pertimbangan sewajarnya tentang permohonan mereka.

WABAK DENGGI – JUMLAH MANGSA/TINDAKAN PENCEGAHAN

9. **Tuan Yim Chee Chong** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah mangsa yang telah meninggal dunia akibat wabak denggi setakat ini di seluruh negara dan apakah tindakan pencegahan yang dijalankan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 5 tahun yang lepas sejumlah 48,975 kes demam denggi telah dilaporkan berlaku mengakibatkan 148 kematian. Tindakan pencegahan yang telah dijalankan untuk menangani masalah demam denggi di negara ini adalah seperti berikut:

- Menjalankan pemeriksaan premis-premis rumah yang menyeluruh oleh anggota Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa kerajaan tempatan bagi mencari dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes. Tindakan ini diperluaskan meliputi kawasan pembiakan seperti tapak pembinaan, projek perumahan terbengkalai, tempat pembuangan sampah, kilang-kilang, sekolah, pejabat dan tanah kosong.
- Mempertingkatkan aktiviti pendidikan kesihatan kepada kumpulan sasaran tertentu seperti pelajar, suri rumah, pekerja di tapak pembinaan dan masyarakat umum. Antara tindakan yang dijalankan ialah mengadakan hebahan melalui media massa, ceramah-ceramah, mengedarkan risalah dan poster, nasihat bersemuka dan gotong-royong.
- Menggalakkan penglibatan masyarakat dan agensi-agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan dalam aktiviti penjagaan dan kawalan pembiakan aedes di kawasan masing-masing.
- Penggunaan racun serangga yang telah berkesan seperti piritroid untuk membunuh nyamuk aedes dewasa serta jentik-jentik yang tidak mendatangkan kesan sampingan kepada kehidupan dan alam sekitar serta mudah diterima oleh masyarakat.
- Meningkatkan tindakan penguatkuasaan undang-undang seperti mengenakan kompaun, menutup premis dan pengambilan tindakan mahkamah.

- Meneruskan kempen anti-denggi yang dilaksanakan melalui pertengahan tahun 1997 dengan kerjasama daripada semua agensi seperti pihak berkuasa tempatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan dan Kementerian Kesihatan.

KAWALAN HARGA BARANG TANGKAPAN/TINDAKAN DIAMBIL

10. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh mana pihak kementerian dapat mengawal harga barang pengguna, melalui berbagai ops yang diadakan seperti Ops Sedar, Ops Kokok, Ops Konkrit, Ops Budget, Ops Gandum dan Ops Gula. Berapa tangkapan yang telah dibuat dan apakah bentuk tindakan yang telah diambil.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, operasi-operasi seperti Ops Sedar, Ops Kokok dan Ops Konkrit yang dijalankan oleh kementerian adalah bertujuan menangani isu-isu kepenggunaan termasuk untuk menstabilkan harga. Di samping itu, kementerian mengambil kesempatan daripada operasi-operasi tersebut untuk menjalankan program-program pendidikan kepada peniaga-peniaga supaya mengamalkan etika yang baik dalam urusan perniagaan. Pada keseluruhannya

operasi-operasi yang dijalankan telah berjaya mengesan pelbagai penyelewengan oleh peniaga di samping mengawal kenaikan harga.

Pada tahun 1997 sebanyak 600,021 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara melalui operasi-operasi dan pemeriksaan biasa yang dijalankan dan telah mengambil 7,073 tindakan kes terhadap peniaga-peniaga kerana melakukan pelbagai kesalahan dengan melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM32 juta. Pihak-pihak yang terbabit didakwa di mahkamah ataupun dikenakan kompaun tertakluk kepada pertimbangan kes demi kes.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah operasi-operasi yang banyak ops-ops ini dipanjangkan ke seluruh negara terutama di pedalaman dan untuk di bahagian-bahagian pedalaman ini apakah jenis ops yang dijalankan?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ops yang dijalankan iaitu operasi memeriksa premis-premis perniagaan, Ops Kokok, Ops Konkrit, Ops Budget, Ops Beras, Ops Gandum, Ops Tanda Harga – semua ini dijalankan bukan sahaja di bandar tetapi kita ada kategorikan bandar, luar bandar, estet, FELDA, FELCRA dan kampung baru. Maka, keseluruhan negara terlibat dalam ops yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, sejauh manakah bantuan atau sokongan yang telah dimainkan oleh persatuan-

persatuan pengguna di peringkat negeri bagi menjayakan apa jenis ops yang dijalankan oleh pihak kerajaan?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, angka yang tepat saya tidak perolehi tetapi setiap tahun pihak kerajaan melalui kementerian memberi bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan pengguna (FOMCA) dan juga persatuan-persatuan pengguna di peringkat negeri. Ini adalah untuk membolehkan mereka memainkan peranan sebagai NGO tetapi dari segi penguatkuasaan mereka tidak ada kuasa, mereka tidak boleh diberikan kuasa oleh kerana ini adalah melibatkan General Orders dan juga yang hanya boleh diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan, maka dalam penguatkuasaan mereka tidak terlibat. Mereka main peranan untuk mendedahkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna, kepenggunaan dan juga lain-lain peranan yang diharapkan sebagai NGO.

Tuan Janggu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini di negeri Sabah dan Sarawak akan mengadakan Hari Gawai dan Pesta Menuai, adakah pihak kementerian ini bercadang untuk membuat operasi kerana setakat ini kebanyakan peniaga menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan asal tadi saya telah menyatakan berapakah jumlah pemeriksaan yang telah dijalankan terhadap premis-premis perniagaan dan juga salah laku oleh peniaga-peniaga, ini meliputi Sabah dan Sarawak – angka yang saya beri bagi tahun yang lalu, 600,000 lebih dan bagi tahun ini sehingga Mei 1998 sebanyak 186,886 premis telah diperiksa. Ini termasuk kedua-

dua negeri. Sempena dengan perayaan-perayaan Hari Gawai dan Pesta Menuai itu, dalam tahun-tahun kebelakangan ini, pegawai-pegawai penguatkuasaan telah pun menjalankan operasi khusus untuk menentukan harganya dikawal dan bekalannya mencukupi di seluruh negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 11 hingga 43 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesembilan.”[18 Mei 1998]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah menyambung ucapannya semalam.

3.38 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya telah memberhentikan

ucapan saya iaitu semasa saya memberikan pandangan mengenai lima faktor utama asas kepada kekuatan negara iaitu mengenai kepimpinan ataupun leadership. Saya telah pun menyebutkan bahawa ketahanan kepimpinan negara adalah memerlukan kekuatan dan juga kukuhnya barisan kepimpinan. Kita telah melihat dan juga membaca daripada sejarah bahawa kegagalan ataupun bocornya sistem pertahanan sebuah negara berlaku kerana adanya perpecahan dari dalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semasa negara menghadapi kegawatan ekonomi dan tekanan dari Barat melalui sistem ekonomi yang tidak berperni kemanusiaan dan dasar-dasar politik yang berat sebelah, kita perlu mengurangkan politicking bagi mengelakkan pintu pertahanan negara tidak terbolos. Kita perlu menutup semua lubang keselamatan negara biar sebatang jarum pun tidak berjaya membolosi dan menyuntik racun ke pemikiran rakyat Malaysia. Kita tahu niat jahat mereka. Saya menyeru parti-parti dalam Barisan Nasional mengurangkan pergeseran dan juga perpecahan tetapi menumpukan tenaga kepada pemulihan ekonomi negara. Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, pertandingan-pertandingan sama ada di dalam parti ataupun di antara kita dikurangkan dan kita menumpukan kepada usaha-usaha untuk membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, gelagat parti pembangkang juga perlu diawasi. Kerajaan harus tegas bertindak menapis siaran-siaran yang berunsur subversif agar tidak mengapi-apikan semangat rakyat terutamanya pelajar, pekerja dan setinggan-setinggan di kota. Program-program ceramah terbuka ataupun ceramah umum harus diawasi supaya tidak membahayakan negara.

Kementerian Dalam Negeri hendaklah bertindak tegas, jangan dibiarkan mana-mana pihak bebas bercakap tanpa asas-asas yang betul dan membakar semangat rakyat hingga menimbulkan huru-hara. Tidak ada ertinya kebebasan jika ianya disalahgunakan sehingga merosakkan masa depan generasi kita. Kebebasan ada hadnya. Kebebasan boleh dituntut dalam keadaan biasa tetapi jika mengancam keselamatan, maka masa depan negara lebih penting daripada mempertahankan hak kebebasan yang akan menjadi senjata memusnahkan kita semua. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri akan meningkatkan risikan dan intipan kepada pihak-pihak berhaluan kiri sama ada parti politik atau NGO yang membenarkan diri mereka menjadi kuda tunggangan pihak-pihak luar yang berniat serong kepada negara. Ingatlah api yang kecil lebih mudah dipadamkan daripada api yang besar yang susah untuk dikawal.

Faktor yang kedua, pengurusan dan pentadbiran yang cekap. Sebagaimana yang sering saya sebutkan di Dewan yang mulia ini, saya amat menghargai kesetiaan, kesungguhan dan kecemerlangan sektor awam yang sentiasa mendukung dan menyokong polisi dasar-dasar kerajaan. Pada umumnya jentera kerajaan di bawah kepimpinan Ketua Setiausaha Negara dan ketua setiausaha semua kementerian telah menunjukkan dedikasi masing-masing dan memberi perkhidmatan yang cemerlang. Penampilan mereka mencerminkan imej kerajaan dan merekalah yang telah menterjemahkan kesungguhan dan kepimpinan di mata rakyat. Saya amat terharu dengan sikap CUEPACS, kesatuan sekerja, pegawai-pegawai kerajaan yang ditemuramah di saluran TV Nasional dengan ikhlas sanggup

menunjukkan sikap toleransi dalam menghadapi kegawatan ekonomi di mana kerajaan tidak berdaya memenuhi tuntutan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada umumnya sektor awam telah menunjukkan kecemerlangan tetapi masih ada segolongan kecil yang mengecewakan – bertugas sambil lewa, tidak bertanggungjawab dan membebankan kerajaan. Imej pegawai kerajaan yang terlibat dengan rasuah juga perlu dibersihkan agar ungkapan “Bersih, Cekap dan Amanah” benar-benar menjadi code of ethic, dengan izin, kepada perkhidmatan awam. Dalam menghadapi kegawatan ekonomi, 20% daripada peruntukan pembangunan negara telah dipotong. Ini bererti masa bagi pegawai-pegawai kita agak terluang.

Saya ingin mencadangkan kepada Ketua Setiausaha Negara dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam agar kakitangan kerajaan di semua peringkat diwajibkan untuk mengikuti kursus waja diri untuk membena kekuatan dalaman, kekuatan mental, fizikal dan spiritual sebagai benteng untuk menghadapi masa susah setelah 8 tahun kita di zaman mewah dan rezeki melimpah ruah.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz agar pegawai-pegawai kita dibekalkan kemahiran untuk menghadapi krisis sebagaimana krisis yang kita alami pada masa ini iaitu kekurangan air. Saya berharap Kementerian Kewangan akan memperuntukkan peruntukan-peruntukan

khusus kepada Biro Tata Negara dan juga INTAN di seluruh negara agar program latihan waja diri diadakan segera. Jemputlah menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, Ahli-ahli Parlimen untuk memberi satu slot ceramah dan juga kita dapat berinteraksi, tidur dan makan serta bersembahyang berjemaah bersama-sama dengan pegawai kerajaan agar interaksi ini akan merapatkan lagi benteng pertahanan negara. Jemputlah ustaz-ustaz yang berfikiran secara global untuk mengisi kekosongan rohani dan saya cadangkan adakanlah sembahyang hajat. Kita berdoa kepada Allah S.W.T. agar bala yang menimpa kita dan juga negara-negara di sekeliling kita ini dapat berlalu dan kita serta anak-anak cucu kita akan terus selamat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang ketiga adalah perpaduan kaum. Semasa menghadapi kegawatan ekonomi seperti masa kini perpaduan kaum benar-benar teruji. Kita telah dapat membuktikan kepada dunia, perpaduan kita bukan sahaja nampak terjalin di luaran tetapi terpaut intim di hati dan sanubari setiap rakyat Malaysia yang mengaku anak Malaysia. Ini menolak sama sekali telahan British semasa memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu yang menjangka soal perkauman umpama time bomb yang akan meletup bila-bila masa. Namun kebijaksanaan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Bapak Kemerdekaan Negara meletakkan national unity atau perpaduan nasional sebagai agenda utama negara telah berjaya. Malah di zaman Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, perpaduan kaum menjadi lebih intim hasil daripada sistem pendidikan kebangsaan, peranan Jabatan Perpaduan dan juga pembahagian ekonomi yang adil dan toleransi yang tinggi di kalangan semua kaum dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan dalam masyarakat Malaysia memang terdapat golongan-golongan chauvinist dan juga perkauman. Mereka ini umpama duri dalam daging. Kegiatan mereka tidak boleh dipandang ringan, terutamanya semasa negara menghadapi kegawatan seperti masa ini. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri akan meningkatkan usaha untuk membetulkan akidah rakyat Malaysia yang terpesong ini. Mereka perlu diberi dakwah dan kalau perlu, ditempatkan di penjara

Taiping untuk seketika supaya mereka faham suasana masyarakat majmuk di Malaysia, supaya sifat opportunist mereka dapat diimbangi dengan ketaatsetiaan kepada negara.

Saya merasa amat bimbang dengan insiden pergaduhan yang melibatkan umat Islam dan kuil Hindu di Pulau Pinang baru-baru ini. Keadaan begini melibatkan perkara-perkara sensitif mungkin menjadi kecoh kalau ada dalang yang mengambil kesempatan. Saya ingin bertanya juga kepada Kementerian Dalam Negeri siapakah yang sebenarnya memainkan peranan sehingga keadaan agak kelim-kabut sebentar. Kita berharap supaya perkara-perkara ini dapat diatasi semasa ia masih kecil supaya ia tidak menjejaskan imej negara. Kita tahu pihak-pihak Barat sentiasa meneropong dan menyuluh keadaan dalam negara kita. Segala perkara yang berlaku di negara kita yang kita tidak senangi kadang-kadang disiarkan dalam CNN dan juga Internet. Ini akan menjejaskan nama negara dan boleh mengurangkan pelancong-pelancong daripada melawat ke negara kita dan juga dapat menjatuhkan imej negara dengan anggapan yang negatif daripada mereka yang memang tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku dalam negara kita, sebagaimana tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa kerajaan telah meracun pendatang asing di kem-kem pendatang asing. Kita berharap jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan supaya bertindak proaktif agar dapat kita mengawal keadaan-keadaan ini supaya tidak menjadi besar dan juga tidak menjadi satu keadaan yang gawat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pandangan daripada Yang Berhormat rakan-rakan kita semalam, iaitu meminta supaya pihak kerajaan mengkaji undang-undang membawa wang keluar daripada negara dengan tidak ada hadnya. Pada pandangan saya mereka yang tidak mempunyai semangat patriotik yang tinggi, tidak sayangkan negara dan juga sanggup membelakangkan kepentingan negara sehingga mereka cuba menyelamatkan harta benda mereka dengan membawa keluar daripada negara adalah tindakan orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan juga sepatutnya mereka tidak perlu mengakui bahawa mereka rakyat yang taat setia. Walaupun begitu, telah menjadi lumrah manusia oleh itu kita perlu ada undang-undang untuk mengawal keadaan ini.

Di negara-negara lain kita dapati telah pun ada undang-undang untuk mengehadkan membawa keluar wang daripada sebuah negara. Saya berpendapat bahawa kerajaan perlu mengkaji supaya kita juga di Malaysia walaupun kita mengamalkan dasar ekonomi yang liberal, walaupun kita bersikap liberal oleh kerana ingin menggalakkan pelaburan dan juga perniagaan di negara kita, tetapi kita harus mempunyai satu sistem kawalan untuk mengawal supaya mereka tidak sewenang-wenangnya membawa keluar wang daripada negara ini dengan amaun ataupun dengan jumlah yang begitu besar. Kita harus menentukan had-had yang tertentu yang kita fikirkan sesuai dan juga yang kita fikirkan dapat mempertahankan kedudukan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, faktor keempat ialah kejayaan ekonomi melalui Dasar Persyarikatan Malaysia. Melalui Dasar Persyarikatan Malaysia kita maju sebagai negara industri dan pembuatan. Keadaan ini sekali gus menawarkan peluang pekerjaan dan menghapuskan pengangguran. Malah negara juga dapat menampung dua juta buruh asing yang mencari rezeki di negara kita yang makmur. Negara maju salah satu ialah kerana Dasar Persyarikatan Malaysia. Ini bermakna kita menganggap syarikat-syarikat yang ada di Malaysia ini adalah milik bersama negara dan rakyat. Maka tidak perlu dipertikaikan usaha kerajaan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang terjejas kerana kegawatan

ekonomi. Syarikat-syarikat ini perlu diselamatkan kerana ia merupakan sumber pendapatan negara dan menyara beribu-ribu rakyat yang menjadi pekerjanya. Pihak yang membesarkan isu yang disebutkan bail-out, dengan izin, adalah pihak yang berfikiran sempit, pekerja-pekerja dan pendeposit-pendeposit EPF jangan dihasut. Malah mereka perlu menerapkan semangat dan juga pegangan sanggup berkorban sedikit untuk masa depan negara. Biarlah hak kita digunakan sebagai dana penyelamat syarikat-syarikat negara demi untuk mempertahankan syarikat-syarikat di Malaysia agar syarikat-syarikat ini mampu bertahan semasa melalui keadaan yang genting ini, agar negara kita tidak perlu mendapat pertolongan daripada IMF. Saya bimbang jika kita menerima pertolongan daripada IMF, kedaulatan kita sebagai negara yang merdeka tidak akan dipertahankan. Maka jadilah kita sebagai ayam di kepok mati kelaparan, itek di air mati kehausan.

Tuan Yang di-Pertua, kesan kegawatan ekonomi amat terasa oleh sektor korporat. Saya mengakui kejatuhan nilai Ringgit adalah punca utama kegawatan cash flow syarikat-syarikat perniagaan dan juga industri-industri kewangan. Selain daripada itu, saya berpendapat sistem nilai dan juga etika kerja di dalam sektor korporat perlu dipertikaikan dan dikaji semula. Di zaman mewah, setengah-setengah usahawan kita terutamanya bumiputera begitu boros berbelanja dan meletakkan nilai urusan pada lagak dan gaya. Keberanian yang di luar batasan, meletakkan ekonomi kita dalam keadaan sebagai bubble ekonomi, yang disebutkan bubble economy, dengan izin, iaitu nampak besar tetapi sebenarnya adalah kosong. Penggunaan modal asing yang besar di samping modal jangka pendek melalui pendapatan daripada saham-saham yang dibeli secara kontrak dan bila saham meredum baru-baru ini menjadikan keadaan setengah-setengah syarikat begitu gawat.

Tuan Yang di-Pertua, telah banyak pihak menyatakan rasa bimbang dengan perkembangan gaji dan imbuhan eksekutif-eksekutif sektor swasta yang begitu tinggi hingga mengalahkan Perdana Menteri. Keadaan ini telah menimbulkan ketidakseimbangan di antara pendapatan sektor korporat dan juga awam yang akhirnya sedikit-sebanyak telah pun menyebabkan kos yang perlu dibayar oleh negara, iaitu timbulnya rasuah dan juga kelunturan semangat di sektor awam. Baru-baru ini Perdana Menteri juga menegur sikap ahli perniagaan kita yang tidak segan silu menandatangani MoU di luar-luar negara tetapi tidak serius melaksanakannya. Ini terbukti ahli-ahli korporat kita lebih gemar publisiti tetapi hakikat sebenarnya tidak serius dalam gerak kerja.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengatasi krisis nilai dan etika yang tidak betul ini. Kita perlu mewujudkan sistem nilai yang competent dan melahirkan ahli-ahli perniagaan yang mempunyai prinsip-prinsip yang betul dalam menguruskan perniagaan mereka. Kita mahu ahli-ahli perniagaan yang menyedari bahawa konsep perniagaan untuk mencari kekayaan di dunia. Melalui kebijaksanaan manusia menjaga sumber alam, pemberian Allah S.W.T., maka urusan juga jangan sampai lari daripada keredhaan Allah S.W.T. Kita mahu ahli perniagaan yang mengambil haknya secara yang berpatutan, memberi keutamaan kepada pertumbuhan syarikat dengan mengambil sebahagian besar, untung untuk diktirakan semula sebagai modal, bukan sebagaimana sekarang ini kita berniaga melalui modal yang diambil ataupun modal yang digunakan daripada bank-bank, institusi-institusi kewangan. Malah yang lebih mendukacitakan modalnya daripada pinjaman asing, memberikan perhatian kepada kebajikan

kakitangan dan tanggungjawab sosial. Kita mahu ahli perniagaan yang biasa meningkatkan produktiviti, mengawal kos dan prihatin daripada perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap mereka yang ada dalam sektor perniagaan menerima amanah sebagai khalifah Allah S.W.T. dengan menawarkan barangan dan perkhidmatan terbaik, mengambil keuntungan yang berpatutan seperti dalam penswastaaan, ramai yang telah menegur seolah-olah nampak unsur-unsur mengambil kesempatan mengenakan bayaran yang tinggi kepada pengguna. Malah kita telah beberapa kali membangkitkannya tetapi seolah-olah dihalalkan pula oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang pernah kita bincangkan dalam Dewan ini mengenai bayaran tol, kita telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa bayaran tol yang dikenakan di negara kita ini yang sentiasa menjadi sungutan rakyat dikira melalui kos pembinaan sebuah jalan dan kos-kos ini melalui kiraan matematik telah pun dibahagikan dan dapatlah satu formula yang menentukan bayaran sesebuah tol. Kita memang menerima hakikat ini, tetapi pada dasarnya dalam perniagaan, kalaulah kos-kos yang telah ditentukan ataupun kos-kos yang telah digunakan untuk sesuatu pembinaan itu dibahagikan begitu sahaja tanpa kita menyelidik adakah benar pembinaan sesuatu jalan itu memerlukan peruntukan sedemikian banyak. Melalui pengalaman kita, kita tahu dalam bidang perniagaan ini kadang-kadang macam-macam transaction, dengan izin, yang berlaku. Ada perbelanjaan-perbelanjaan yang telah ditetapkan untuk pembinaan. Tetapi ada juga belanja-belanja yang under kaunter, yang atas kaunter, yang atas bumbung, yang atas ceiling, semuanya ini ditanggung oleh pengguna. Inilah sebenarnya yang cuba kita bangkitkan di Dewan ini, kita menyuarakan rasa tidak puas hati kita dan kita minta supaya pihak kementerian membuat kajian adakah segala perbelanjaan ataupun kos yang telah pun dinyatakan oleh syarikat-syarikat yang telah diberi keistimewaan untuk terlibat dalam penswastaaan ini telah pun memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan mengawal kos, meningkatkan produktiviti, mengeluarkan satu pengeluaran yang begitu baik, dan kalau ini berlaku, kalau kos ini dibahagikan kepada pengguna ataupun rakyat, kita puas hati. Tetapi yang kita pertikaikan sekarang ini dan yang kita lihat bahawa harga sentiasa naik, kos sentiasa naik, adakah kawalan-kawalan ini telah dilakukan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya pihak kerajaan buat kajian semula kepada program-program penswastaaan di negara kita ini, kerana banyak kita dapati rungutan yang telah pun disampaikan oleh rakyat sama ada di luar ataupun di dalam Dewan ini. Kita tidak mempertikaikan apa yang dilakukan itu tidak baik. Ini adalah satu program yang baik. Cuma apa yang ingin kita sebutkan supaya pihak-pihak swasta tidak sahaja meletakkan keuntungan tetapi mengambil kira apa yang telah saya sebutkan tadi iaitu mengambil kira tanggungjawab sebagai orang yang diberi kepercayaan supaya memberikan perkhidmatan yang terbaik. Kalau mereka telah pun membuat sesuatu yang terbaik, saya kira memang ini patut kita terima dan berterima kasih kepada mereka. Cuma kita agak bimbang kalau-kalau dalam menguruskan satu-satu urusan semua perbelanjaan termasuk bayaran-bayaran yang tidak direkodkan termasuk bayaran-bayaran eksekutif yang saya sebutkan tadi begitu besar, kemudahan-kemudahan yang begitu besar yang mereka gunakan semuanya dicajkan kepada pengguna. Inilah satu bebanan kepada rakyat yang harus kita lihat dan kita perincikan dan kita kaji semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Minta tangguh sekejap.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana malam ini Kelab Senator akan mengadakan jamuan pada jam 8 malam, jadi kita kena tangguhkan Dewan ini sebelum barangkali jam 7.30. Jadi, kita hendak mengetahui beberapa ramai lagi hendak bercakap, kalau boleh tolong bangun.

Beberapa Ahli: [*Bangun dan dikira*]

Tuan Yang di-Pertua: Berapa orang?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Lapan orang.

Tuan Yang di-Pertua: Lapan orang, kalau seorang 10 minit, jadi 80 minit, sejam setengah. Kalau Yang Berhormat sambung saya harap habiskanlah cepat kalau boleh, ringkaskan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya akan cuba pendekkan ucapan saya kerana saya rasa ramai lagi rakan-rakan yang akan memberikan ucapan.

[Timbalan Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan saya rasa dua perkara sahaja lagi, pertamanya mengenai Bursa Saham Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:saya akan sambung. Mengenai Bursa Saham Kuala Lumpur, saya pun tidak faham mengenai perniagaan saham. Kita telah mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mempersoalkan soal perdagangan mata wang. Pada mulanya ia tidak diterima oleh pihak di dunia ini. Tetapi akhirnya kebelakangan ini banyak pihak melihatkan bahawa perdagangan mata wang ini sebenarnya manipulasi manusia (human) yang dengan rakusnya kerana hawa nafsunya dia mengenyahkan hak kemanusiaan pihak-pihak lain menentukan supaya mendapat keuntungan yang besar, dia sanggup melakukan perniagaan mata wang sehingga menjadikan negara-negara sebagaimana negara kita dalam keadaan kemiskinan. Ini adalah satu kezaliman yang tidak dapat kita maafkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya telah lama memikirkan dalam soal bursa saham ini. Bagi saya, kita melabur dalam saham adalah untuk melibatkan diri dalam perniagaan dan ini saya kira tidak bercanggah dengan prinsip Islam kerana sebagai seorang yang tidak terlibat dalam perniagaan kita berpeluang untuk melibatkan diri dalam perniagaan dengan kita mengambil kewangan kita dan kita berikan kepada syarikat yang berkenaan untuk kita turut berniaga dengan syarikat berkenaan. Ini fahaman saya kepada pembelian-pembelian dan penglibatan-penglibatan seseorang dalam saham. Tetapi dalam dunia yang canggih ini, ini sebenarnya tidak berlaku. Bursa saham dijadikan tempat perjudian. Kita membeli saham sesebuah syarikat dalam harga yang pada ketika itu walaupun sepatutnya merupakan harga yang mana yang sebenarnya mewakili kedudukan dan juga keadaan sesebuah perniagaan, tetapi sebenarnya tidak berlaku. Harga yang kita beli adalah harga yang telah pun yang naik dan turun mengikut sentimen, bukan ditentukan kepada fundamental ekonomi sesebuah syarikat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun tidak faham dengan keadaan ini, apakah kita semua harus terus mengikuti sistem perdagangan yang kita tahu bahawa sistem perdagangan itu tidak harmoni dan tidak benar keadaannya. Saya pernah membangkitkan soal ini dalam Dewan yang mulia ini, tetapi jawabannya juga agak mengecewakan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian kalaulah orang-orang awam diberi peluang untuk turut sama berniaga dalam sesebuah syarikat, apakah pihak kementerian dan juga pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah bursa saham yang boleh memenuhi hasrat dan impian yang saya sebutkan tadi supaya kita yang mempunyai wang membeli saham sesebuah syarikat untuk kita turut berniaga dan apabila dapat keuntungan kita akan dapat merasakan keuntungannya bersama. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini kalau pun syarikat itu besar, ceritanya untung berjuta-juta ringgit, berbilion-bilion ringgit, faedah yang kita dapati daripada pelaburan kita kadang-kadang tidak sampai pun 4%. Semasa saya jaga Pertubuhan Peladang dahulu kita boleh beri kepada peladang-peladang 10% at any year, tidak pernah kurang. Saya pun hairan syarikat yang besar-besar beri 4.5%, ini sungguh rendah. Kita tengok eksekutif-eksekutifnya, chairman dan juga ahli lembaga pengarahnya menikmati kehidupan yang begitu jauh berbeza dengan kita yang melabur dalam saham yang berkenaan. Jadi, ini sistem apa yang sebenarnya yang ada di depan mata kita dan apakah sistem ini akan kita teruskan sistem ini yang saya rasa tidak adil, tidak saksama dan juga tidak berperikemanusiaan ini akan terus kita berada bersama-sama dengan sistem yang kita sebagai khalifah Allah sebenarnya boleh menentukan kehidupan kita tetapi sistem itu yang menentukan kehidupan kita tanpa ada usaha-usaha kita untuk membetulkan keadaan ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Capitalist system.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Dato' Zuki sebut capitalist system. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Syariah Perdagangan dan Perindustrian, kerana saya yakin dalam agama Islam, Allah S.W.T. telah menyebutkan bahawa sembilan daripada sepuluh rezeki itu ada dalam perniagaan. Saya yakin dalam ajaran agama Islam perniagaan itu dijalankan dengan cara lunas-lunas yang benar dan keuntungan itu adalah suatu yang hak, tetapi bukan cara mendapat keuntungan dengan manipulasi, penekanan, penipuan dan sistem itu sendiri telah pun menjerat kita dalam keadaan yang tidak benar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendengar dari pihak kerajaan, adakah kerajaan akan mengkaji juga sistem saham negara kita. Kerana kita merasa bangga di Malaysia kita ada sistem perbankan Islam yang telah pun mendapat sambutan daripada bukan Islam. Malah melalui pengalaman saya dalam perniagaan saya dapati walaupun orang-orang bukan Islam, rakan perniagaan yang bukan Islam, mereka lebih Islam kadang-kadang dalam menjalankan perniagaan dari segi prinsipnya. Jadi, saya kira soal yang saya sebutkan ini bukan merupakan soal perkauman, bukan merupakan soal yang cuma boleh memberikan keuntungan dan kepentingan kepada umat Islam, tetapi ini soal universal yang mencakupi kehidupan kita keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, ini dua perkara sebelum akhir, mengenai pengeluaran-industry production index. Kita dapati walaupun keadaan mata wang kita dibanding dengan luar, mata wang kita menjadi kecil. Sebenarnya peluang ataupun opportunity kita untuk menawarkan barang yang lebih competitive di luar negara sepatutnya lebih tinggi, kerana kita telah membeli peralatan semasa

ekonomi tidak meleset walaupun kita perlu membeli modal-modal sumber buat masa sekarang ini, tetapi dengan nilai wang kita yang ada kita lebih kompetitif di arena antarabangsa. Sayangnya apabila saya membaca laporan daripada Rating Agency Malaysia (RAM) didapati bahawa pengeluaran kita menurun. Saya berpendapat kalau kita cuma mengeluh sahaja bagaimana keadaan negara kita dalam keadaan kegawatan ekonomi sahaja tidak akan dapat memberikan sesuatu kebaikan, melainkan kita proaktif menggunakan keadaan yang ada ini sebagai opportunity kepada kita untuk kita dapat memperbaiki lagi keadaan kita di mana kita meningkatkan pengeluaran untuk eksport.

Saya dapati dalam laporan berkenaan pengeluaran eksport kita cuma petroleum sahaja yang meningkat. Tetapi pengeluaran eksport daripada barang-barang lain tidak meningkat. Saya tidak tahulah sama ada ini berlaku kerana kita belum bersedia, tidak ada persediaan infrastruktur kita untuk meningkatkan import dan sebagainya. Kalau ini berlaku, saya berpendapat bahawa jentera kerajaan, pihak swasta dan semua pihak harus memikirkan bagaimana kita mengambil kesempatan dalam masa yang ada ini untuk kita meningkatkan pengeluaran kita di bidang eksport supaya dengan ini dapat membantu kita untuk mendapatkan pulangan dana-dana yang boleh membantu dana kewangan kita.

Begitu juga dengan pelancongan, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati sebagaimana saya sebut tadi walaupun nilai mata wang kita kecil, kita hairan pelancong-pelancong tidak datang ke negara kita. Kurang kedatangan ini boleh disahkan oleh pihak kementerian sendiri. Ini apa yang saya dapat tahu daripada pihak-pihak swasta. Tambahan pula kita tahu sekarang ini di Indonesia keadaan gawat, saya berpendapat bahawa badan penggalak pelancongan, sebuah badan penggalak pelancongan negara perlu bekeja lebih kuat untuk menjual Malaysia ke luar negara untuk kita menentukan supaya sektor pelancongan kita akan terus kekal dan juga kita boleh mengambil peluang. Sebenarnya ini offer kepada orang-orang di luar negara mereka boleh datang ke negara kita dengan kos yang lebih murah kerana nilai wang mereka lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang akhir adalah sokongan rakyat. Tanpa sokongan rakyat kita tidak akan berjaya. Dengan itu, setiap tindakan kita, setiap program-program yang kita laksanakan hendaklah kita mengambil kira kepentingan rakyat keseluruhannya. Saya kira kalau kelima-lima faktor ini dapat kita kawal, kalau kelima-lima faktor ini dalam keadaan yang baik, iaitu kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran, perpaduan kaum, syarikat-syarikat kita maju dan juga rakyat terus menyokong kita, insya-Allah, tidak ada sebab mengapa kita tidak dapat melepasi zaman kesukaran ini dengan jayanya. Yang penting bagi kita adalah kesabaran, di samping kesabaran kita perlulah memohon kepada yang Esa, Allah S.W.T. supaya negara kita akan terus selamat dan juga kita akan dapat memulihkan keadaan ini dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak lagi perkara yang ingin saya sentuh, tetapi sebagai menghormati rakan-rakan yang lain yang ingin turut sama dalam perbincangan ini, maka dengan ini saya turut menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Yee Lung Fook Geoffrey.

Datuk Yee Lung Fook Geoffrey: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menjunjung kasih ke atas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perlantikan saya sebagai Senator yang baru. Saya akan mencuba sedaya upaya saya untuk menjalankan tugas saya dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab. Saya tidak akan menghampakan harapan dan kepercayaan yang telah diberikan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara kita telah menjejaskan kehidupan hampir setiap penduduknya. Sekali pun begitu dibandingkan dengan beberapa negara Asia yang lain yang turut mengalami masalah yang sama, Malaysia masih berupaya untuk pertahankan kerana fundamentalnya adalah kukuh. Saya ingin mengucapkan syabas dan mengalu-alukan pelbagai langkah positif dan segera yang diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah ini. Langkah yang sama yang telah diambil oleh kerajaan-kerajaan negeri juga turut dipuji walaupun hasilnya belum benar-benar dirasai. Kita harus lebih bersabar kerana pemulihan ekonomi mengambil masa yang agak panjang. Apa yang penting kerajaan telah berjaya menubuhkan kesedaran di kalangan rakyat tentang masalah yang dihadapi. Perbelanjaan telah mula dikurangkan sama ada dalam sektor awam, sektor swasta mahupun dalam perbelanjaan rumah tangga. Perbelanjaan berhemah telah mula menjadi amalan rakyat. Ini merupakan satu petanda yang amat positif. Kita berharap pemulihan ekonomi akan dapat dicapai dalam masa yang lebih singkat dengan kerjasama semua pihak.

Masalah ekonomi adalah masalah negara dan masalah negara adalah masalah seluruh rakyat Malaysia. Oleh itu, seluruh rakyat mestilah bersatu padu untuk bersama-sama bekerja keras, berdisiplin memberikan keyakinan, kepercayaan serta sokongan yang penuh kepada kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. Kita mengharapkan kerajaan semata-mata adalah tidak memadai jika dasar dan polisi kerajaan tidak mendapat sokongan rakyat keseluruhannya. Dengan sokongan yang padu, dengan usaha yang gigih daripada semua pihak sudah tentu kita akan dapat mengatasi masalah ini. Dengan perpaduan yang kukuh kita akan dapat menghadapi sebarang masalah dan ancaman negara.

Tuan Yang di-Pertua, di samping masalah kegawatan ekonomi satu lagi masalah yang perlu diberikan perhatian yang serius ialah masalah pendatang tanpa izin. Pendatang asing ke negara ini terutama sekali yang masuk ke negara kita secara haram telah menimbulkan pelbagai masalah keselamatan dan sosial. Mereka menimbulkan masalah setingan yang sedia ada, menjadi peniaga dan penjaja haram. Mereka mengancam dan merebut peluang mencari rezeki dan

nafkah peniaga dan penjaja tempatan yang berlesen. Mereka juga terlibat dalam pelbagai kegiatan jenayah seperti mencuri, pecah rumah dan rompakan bersenjata.

Negara-negara Asia telah dilanda masalah kejatuhan nilai mata wang dan kemerosotan ekonomi. Bilangan kemasukan pendatang secara haram telah menjadi berlipat ganda. Kerajaan tidak mempunyai pilihan lain selain daripada menghantar mereka pulang ke negara asal mereka walaupun mereka ini dilayan dengan baik, diberikan tempat tinggal dan makanan di depo tahanan sebelum dihantar pulang, mereka masih menimbulkan kekacauan. Ini jelas terbukti dengan peristiwa yang berlaku di depo tahanan Semenyih baru-baru ini. Kejadian ini melibatkan pengorbanan nyawa dan kecederaan ini amat dikesali. Insiden yang berlaku di Kem Tahanan Semenyih itu sekali lagi membuka mata kita bahawa pendatang tanpa izin ini bukan sahaja mengancam keamanan orang ramai dan masalah jenayah ditimbulkan. Malahan mereka juga mencuba mengancam kewibawaan dan kedaulatan negara kita. Tindakan ini amat dikesali dan tidak seharusnya berlaku sama sekali. Oleh itu saya menyokong penuh langkah kerajaan menghantar mereka pulang sebelum masalah ini menjadi lebih genting. Tindakan yang tidak kurang beratnya perlu diambil terhadap rakyat tempatan yang menjadi tali barut untuk membawa masuk pendatang tanpa izin ini. Penahanan mereka di bawah ISA adalah tepat pada masanya. Orang ramai yang mempunyai maklumat seharusnya tampil ke hadapan untuk melaporkan kepada pihak polis supaya pihak polis dapat menyediakan talian 'hotline' dengan izin dan bebas tol untuk membolehkan orang membuat laporan dan aduan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kita mengambil tindakan yang setimpal terhadap pendatang tanpa izin ini dan menahan mereka yang terbabit dalam penyeludupan pendatang asing dan jangan lupa ada ramai lagi rakyat asing yang memasuki secara sah. Mereka ini datang dengan tujuan untuk mencari rezeki dengan cara betul. Golongan ini menjadi nadi utama dalam sektor pertanian dan perladangan terutamanya negeri-negeri yang bergantung kepada pertanian koko, kelapa sawit serta industri pembalakan dan pengilangan seperti negeri Sabah. Dalam hal ini saya berpendapat masih banyak yang perlu dilakukan.

Negeri Sabah seperti yang kita ketahui merupakan negeri yang bergantung kepada sektor pertanian dan perladangan dan memerlukan pekerja-pekerja yang ramai di ladang-ladang koko dan kelapa sawit. Kebanyakan penduduk tempatan kurang berminat untuk menjadi buruh di ladang-ladang kerana pendapatannya yang agak rendah berbanding dengan bekerja kilang. Ini jelas terbukti dengan ramai belia dan beliawanis berhijrah ke bandar dan kota di Semenanjung Malaysia untuk bekerja di kilang-kilang. Penghijrahan ini menimbulkan masalah kekurangan buruh yang cuma dapat diisi oleh pekerja asing. Pengambilan pekerja asing untuk bekerja di ladang di negeri Sabah sebenarnya merupakan satu fenomena yang telah lama berlaku. Lebih lama daripada negeri-negeri lain di negara kita. Jika kita ingin sektor perladangan ini terus berkembang mahu tidak mahu kita terpaksa menerima pekerja asing yang mempunyai dokumen yang sah tetapi dengan levi yang tinggi merupakan bebanan kewangan kepada kebanyakan majikan. Walaupun levi telah dikurangkan masih lagi terlampau tinggi dan mahal. Saya harap kerajaan akan menurunkan lagi levi dengan mengambilkira keadaan ekonomi masa ini. Pihak majikan berada dalam keadaan serba salah kerana:

- (i) mereka terpaksa membayar levi yang tinggi;
- (ii) proses pendaftaran bukanlah berbentuk setempat ataupun one stop, dengan izin. Ini bukan sahaja memakan masa yang panjang tetapi juga memberikan gambaran yang kurang baik terhadap pihak yang mengkritikkan pendaftaran ini. Prestasi dan kualiti kerja mereka secara tidak langsung dipertikaikan; dan
- (iii) sebagai penjamin kepada pekerja asing ini pihak majikan terpaksa menanggung risiko jika pekerja tersebut meninggalkan tempat kerja mereka atau meninggal dunia. Pihak majikan tidak boleh mendapatkan pekerja gantian. Mereka juga terpaksa bertanggungjawab terhadap pekerja mereka yang telah menghilangkan diri atau meninggal dunia.

Ini merupakan satu dilema yang amat besar yang dihadapi oleh semua majikan. Mereka telah membelanjakan wang yang banyak tetapi tidak mendapat sebarang jaminan terhadap pekerja upahan mereka. Keadaan ini amatlah tidak adil

terhadap pihak majikan. Saya berharap masalah ini mendapat perhatian daripada pihak berkuasa dan mengambil langkah segera untuk mengatasi masalah ini. Kerajaan perlu mengkaji semula agar mengenakan levi yang lebih rendah sekurang-kurangnya kepada negeri Sabah. Ini memandangkan upah pekerja terutama sekali di ladang-ladang adalah jauh lebih rendah daripada gaji harian pekerja kilang. Pekerja ladang dibayar kira-kira RM8.00 hingga RM10.00 sehari berbanding dengan RM45.00 atau lebih di kilang-kilang di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan upah pekerja ini levi harus dikurangkan mengikut nisbah yang lebih berpatutan dan mampu dibayar oleh pihak majikan.

Saya juga berharap pihak majikan dapat memberikan perhatian yang lebih serius terhadap masalah mobiliti pekerja yang berdaftar. Pihak majikan janganlah mengikat seseorang pekerja itu dengan tempoh yang terlalu panjang apabila seseorang pekerja diambil untuk bekerja. Jika pekerja tersebut berhenti kerja atau menghilangkan diri atau meninggal dunia pihak majikan sepatutnya mempunyai pilihan untuk mengambil pekerja gantian dalam tempoh yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya insuran yang belum lagi tamat tempohnya sepatutnya diteruskan ke atas pekerja gantian. Contohnya insuran ialah RM120 untuk setahun bagi seorang perkerja asing, selepas 3 bulan bekerja, pekerja ini telah menghilangkan diri, jika seorang pekerja baru diambil untuk menggantikan pekerja yang telah menghilangkan diri, majikan sepatutnya dibenarkan menyambung baki insuran sebanyak RM90.00 dan bukannya membayar semula insuran yang baru. Amalan ini bukan sahaja realistik, munasabah malah lebih memberi perhatian terhadap para majikan yang menghadapi tekanan kegawatan ekonomi. Dengan ini saya amat berharap perkara ini dapat dipertimbangkan selaras dengan konsep masyarakat penyayang dan perbelanjaan berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, jika proses pendaftaran pekerja dapat dipermudahkan, dipercepatkan dan bayaran levi dapat dikurangkan. Masalah pengambilan pekerja asing secara haram akan dapat dikurangkan. Walaupun tidak dapat dihapuskan dengan sepenuhnya. Pihak majikan tentulah tidak akan mengambil risiko untuk mengupah pekerja tanpa izin jika pekerja berpermit dapat diperolehi dengan

mudah dan terjamin. Pendatang tanpa izin akan dikurangkan apabila mereka sukar untuk mendapatkan pekerjaan dengan berbuat demikian kita telah mengurangkan salah satu faktor pendorong atau penolak, penarik utama kepada kemasukan pendatang tanpa izin, di samping mengurangkan faktor penarik kita juga perlu tingkatkan faktor penolak. Sesuatu ketika dahulu pihak polis pernah mencadangkan hukuman sebat terhadap pendatang haram yang ditangkap. Langkah ini pernah dilakukan oleh sebuah negara jiran terhadap pekerja asing di negara tersebut. Mereka mengancam untuk menjatuhkan hukuman sebat atau rotan mandatori terhadap pekerja asing yang memasuki negara tersebut secara haram. Hukuman tersebut jelas sekali menakutkan pendatang tanpa izin dan kesemua mereka meninggalkan negara tersebut dengan rela sebelum tempoh tamat yang ditetapkan. Oleh yang demikian jika kita benar-benar menganggap pendatang asing yang memasuki negara kita secara haram terutama sekali mereka yang terlibat dengan kes-kes jenayah, menjejaskan keselamatan awam dan negara maka hukuman sebat mandatori akan menjadi satu faktor menolak yang amat berkesan. Saya berharap pihak polis akan mengkaji semula cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa negara kita menghadapi kegawatan ekonomi kenaikan harga barangan dan inflasi serta peningkatan kos hidup dalam segala segi, kewujudan Fomema sebagai ejen untuk menyelesaikan pemeriksaan kesihatan pekerja-pekerja asing adalah tidak sesuai dan boleh dikatakan sebagai menanggung di air keruh. Bayaran yang dikenakan oleh Fomema bukan sahaja amat mahal dan membebankan tetapi juga tidak berpatutan kerana ia telah menambahkan perbelanjaan. Tindakan mendapatkan bayaran perkhidmatan hanya dapat menyelaraskan memeriksa kesihatan tetapi tidak menjalankan pemeriksaan sendiri adalah amat tidak adil terhadap pekerja-pekerja yang penat lelah di ladang-ladang. Saya meminta kerajaan mengkaji semula keperluan Fomema dalam hal ini khasnya apabila negara kita sedang menghadapi kegawatan ekonomi.

Fomema tidak memberikan sebarang perkhidmatan yang berfaedah kepada pelanggannya tetapi sebaliknya memeriksa mereka membayar perkhidmatan yang tidak diperlukan. Apakah salahnya memeriksa kesihatan dilakukan terus di klinik-klinik serta mengurangkan kos pemeriksaan jika kita benar-benar mahu

menjayakan masyarakat penyayang dan mengamalkan perbelanjaan berhemah yang mana mestilah mengurangkan kadar bayarannya atau meminta komisyen daripada klinik-klinik dan bukannya dari para pekerja. Saya berharap satu kajian semula dibuat dengan segera tentang peranan Fomema dengan mengambilkira perkembangan ekonomi semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan sesuatu dasar kadang-kadang kita perlu lebih realistik dan flexible, dengan izin terutamanya dalam hal pemberian pinjaman kepada institusi-institusi kewangan. Langkah kerajaan membekalkan pinjaman kepada sektor yang kurang produktif telah menyebabkan banyak syarikat mengalami kerugian yang besar. Walaupun ada arahan supaya permohonan pinjaman dikaji secara kes demi kes tetapi pihak institusi kewangan menolak semula permohonan. Keadaan ini telah menjejaskan banyak syarikat dan perniagaan walaupun kerajaan ada menyediakan tabung pinjaman untuk industri kecil dan sederhana....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berapa lama lagi?

Datuk Yee Lung Fook Geoffrey: Separuh sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Separuh sahaja? Saya beri lima minit sahaja.

Datuk Yee Lung Fook Geoffrey: Okay [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Kalau separuh orang lain tidak ada 'chance' lagi.

Datuk Yee Lung Fook Geoffrey: Okay, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan dari awal bahawa negeri Sabah adalah sebuah negeri yang masih bergantung kuat kepada sektor pertanian, kemudahan daripada tabung SMI tidaklah sesuai di negeri Sabah ini disebabkan negeri Sabah tidak mempunyai kilang-kilang besar seperti kilang membuat kereta nasional Proton Saga yang terus memajukan industri-industri kecil yang menghasilkan barangan aksesori kereta. Kita tidak mempunyai kilang-kilang besar seperti ini untuk menampung industri-industri kecil di negeri Sabah. Pendek kata rakyat negeri Sabah tidak dapat menikmati kemudahan ini dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, jika kelonggaran tidak dapat diberikan maka saya harap pihak kerajaan dapat menyediakan satu tabung pertanian sepertimana

kemudahan yang telah disediakan kepada industri kecil dan sederhana. Tabung ini akan digunakan untuk memberi kemudahan pinjaman kepada para petani dan peladang yang ingin memperluaskan tanamannya. Penanaman semula mengambil peralatan jentera pertanian yang lebih canggih dalam usaha mempertingkatkan penggunaan teknologi pertanian yang lebih moden, canggih, cekap dan berguna. Ini akan dapat menjamin sektor pertanian terus berkembang di samping menambahkan eksport negara dan membantu pemulihan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sekali lagi saya menyokong ucapan Usul menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kassim.

4.33 ptg.

Puan Hajah Ramlah binti Kassim: Tuan Yang di-Pertua, syukur alhamdulillah kerana saya diberi peluang untuk berucap dalam membahas Usul menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Kesembilan pada 23 Mac 1998 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kagum dengan Titah Ucapan Ke Bawah Duli Tuanku kerana ini adalah satu ucapan ikhlas dan bertujuan untuk mengingatkan rakyat jelata agar berwaspada bagi mengekalkan keamanan yang kita nikmati pada hari ini supaya akan terus berpanjangan kepada generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Ke Bawah Duli Tuanku, Baginda penuh yakin terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bersama-sama pemimpin yang lain kerana berupaya membawa Malaysia ke arah kecemerlangan walaupun Malaysia sedang mengalami kejatuhan nilai Ringgit yang mendadak dalam kegawatan ekonomi.

Syabas diucapkan kepada Kerajaan Malaysia kerana mampu bertahan walaupun dalam keadaan yang agak tercabar dan negara kita Malaysia adalah yang lebih baik berbanding dengan negara Indonesia, Filipina dan seangkatan. Baru-baru ini kita telah dimaklumkan melalui akhbar dan media berkenaan apa yang telah berlaku di Indonesia akibat kegawatan ekonomi. Kita telah mendapati masyarakat di Jakarta khususnya para pelajar telah membuat tindakan yang drastik seperti membakar harta benda awam dan kacau ganggu yang telah memburukkan lagi ekonomi negara tersebut. Alhamdulillah perkara ini tidak berlaku di negara kita kerana kita mempunyai barisan pemimpin yang cekap dan cekal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara didalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda tempoh hari . Perkara Pertama adalah dari segi ekonomi. Baru-baru ini pada 5 Mei 98, tabung Asnita telah ditubuhkan dan perasmian telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman dan dengan gabungan wanita Barisan Nasional bersama Persatuan-persatuan Wanita Malaysia yang peka dan bertindak dengan tepat untuk menubuhkan satu tabungan dana bagi membantu kerajaan di dalam kegawatan ekonomi pada masa kini. Program-program ini akan dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah seperti yang telah dijadualkan. Pada ketika ini tabung Asnita telah terkumpul berjumlah RM2 juta dan insya-Allah saya merasa tabung ini akan meningkat apabila semua wanita di seluruh negara melibatkan diri di dalam tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh dari segi usaha-usaha ingin meningkatkan lagi keberkesanan Perkhidmatan Awam. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Awam dan penerapan nilai-nilai yang murni saya berasa amat bangga di atas usaha-usaha Perkhidmatan Awam ke arah kewujudan perkhidmatan mementingkan pelanggan dan membaiki sistem dan prosedur kerja, memperkemaskan struktur organisasi, penggunaan teknologi maklumat (IT) dan

memperkenalkan teknik pengurusan yang telus. Pekeliling terbaru yang diperkenalkan Bil.2/96 adalah mengenai ISO 9000 yang menekankan kepada aspek Pengurusan Berkualiti yang menekankan kepada kepuasan pelanggan dan menepati janji-janji yang telah didokumenkan. Baru-baru ini sebuah organisasi, sebuah agensi kerajaan iaitu Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) telah dapat melaksanakan ISO 9001 yang memperolehi sijil dari SGS London pada 23 Mac 1997. Ianya merupakan agensi penguasa tempatan kedua di dunia yang telah dan memperolehi pengiktirafan tersebut. Di samping itu juga Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan telah mencalonkan MPK untuk mewakili negara di dalam Condra Aedenowal Local Government Award (CALGA), di mana MPK telah memperolehi tempat kedua di Asia. Saya berharap agensi-agensi kerajaan yang lain perlu mengambil iktibar untuk mencapai tahap pengurusan yang membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin disentuh ialah dari segi Dasar Penswastaaan Negara. Dasar Penswastaaan Negara telah bermula pada tahun 1983 yang lalu. Dalam tempoh 15 tahun ini, kita dapati ada di antara projek-projek penswastaaan memberi kemanfaatan kepada rakyat dan sebaliknya. Saya ingin menyentuh dari segi kerja-kerja pengangkutan sisa-sisa pepejal yang telah dilaksanakan oleh pihak swasta di penguasa-penguasa tempatan. Di akhbar-akhbar tempatan kita dapati rungutan-rungutan daripada masyarakat mengenai sistem pungutan sampah yang tidak cekap seperti kutipan tidak mengikut jadual, sampah berlonggok-longgok, bau busuk dan mengganggu kesejahteraan penduduk sekitar.

Pada anggapan saya, perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh pihak-pihak yang ingin mengaut keuntungan semata-mata tanpa mengambil kira kepentingan masyarakat. Ini disebabkan pekerja-pekerja swasta dan kontraktor tidak diberi latihan kemahiran daripada sikap dan tanggungjawab terhadap kerja-kerja yang diamanahkan. Sekiranya kerja-kerja ini dikontrakkan pihak berkuasa tempatan perlulah mengadakan kursus-kursus comprehensive, khususnya dari segi kecekapan menitikberatkan kepada kepuasan pelanggan atau masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang ingin saya sampaikan ialah daripada segi pembangunan penerapan nilai-nilai murni kepada belia dan

beliawanis bagi membentuk sistem pembangunan sosial yang berkesan bagi meneruskan kepimpinan negara. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan adalah melalui program Rakan Muda. Berbagai-bagai aktiviti telah dilaksanakan bagi memenuhi kecenderungan belia dan beliawanis yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sukan, sosial dan sebagainya. Saya berpendapat program-program ini boleh diperkemaskan lagi berpandukan cadangan-cadangan seperti berikut:

- (i) Kementerian Belia dan Sukan hendaklah mengkaji dan menilai semula keberkesanan program tersebut;
- (ii) mewujudkan satu jawatankuasa di peringkat negeri, daerah dan mukim bagi melaksanakan program tersebut;
- (iii) mengadakan program jangka panjang iaitu 5 tahun dan program tahunan yang lebih baik dengan mencari kelemahan untuk membaiki mutu program;
- (iv) peruntukan kewangan diperluaskan kepada daerah dan mukim melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan;
- (v) menggabungkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan di dalam satu program yang khusus; dan
- (vi) melibatkan ahli jawatankuasa kampung di dalam pelaksanaan program Rakan Muda.

Tuan Yang di-Pertua, daripada perkara-perkara yang sudah disentuh diharapkan agar satu tindakan yang menyeluruh dan berkesan dapat dilaksanakan bagi memastikan kestabilan, kemakmuran, kesejahteraan dan keharmonian negara kita agar lebih mantap dan dicontohi oleh negara luar. Dengan kata-kata demikian saya dengan ini menyokong Usul tersebut. Sekian, terima kasih.

Ramai Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng.

4.40 ptg.

Puan Tan Ah Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan atas Titah

Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Parlimen pada 23 Mac 1998.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas serta berdiri teguh memberi sokongan yang padu kepada kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk bersama-sama menghadapi krisis ekonomi negara tanpa meminta bantuan kewangan daripada IMF, dengan izin.

Memandangkan kepada masalah ekonomi yang masih melanda negara ini, saya menyeru semua pihak termasuklah Ahli-ahli Dewan yang mulia ini memberi sokongan yang padu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita serta segala usaha yang dilaksanakan oleh mereka atau Majlis Tindakan Ekonomi Negara dalam menangani masalah krisis ekonomi negara yang sedang kita hadapi ini.

Tidak dapat dinafikan bahawa kita terpaksa berjimat-cermat dan mengurangkan sebahagian besar daripada kos pentadbiran pembangunan negara. Namun demikian beberapa bidang yang tertentu dan penting masih perlu kita beri keutamaan khasnya dari segi pendidikan yang akan menjadi penentu masa depan generasi muda negara kita. Di samping itu dalam bidang pembangunan sosial dan kebajikan dalam usaha membasmikan kemiskinan dan menangani gejala-gejala sosial yang sebelum ini menjadi isu negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang perlu dititikberatkan mengenai isu pendidikan ialah skim pinjaman buku-buku teks yang diberikan kepada sekolah-sekolah. Tidak dapat dinafikan skim ini merupakan salah satu usaha yang perlu dalam memastikan semua pelajar kita, terutama anak-anak daripada keluarga miskin dibekalkan buku-buku teks yang secukupnya dan mendapat peluang yang sama dengan anak-anak yang lain dalam penerimaan pendidikan asas. Namun demikian saya mendapati bahawa usaha tersebut masih boleh diperluaskan lagi pada suatu hari nanti, di mana semua pelajar dalam semua sekolah kerajaan dapat menikmati skim ini. Setakat ini skim pinjaman buku-buku teks telah dapat dibekalkan kepada semua sekolah kebangsaan manakala sekolah seperti sekolah-

sekolah jenis kebangsaan masih diberikan bantuan skim ini berdasarkan kepada dasar kelayakan yang telah ditetapkan iaitu:

- Kategori 1-
Pendapatan ibu bapa RM700 ke bawah.
Semua anak-anak yang bersekolah adalah diberi bantuan
- Kategori 2 -
Pendapatan ibu bapa RM701 - RM800
Perbelanjaan buku teks bagi seorang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa. Anak-anak lain akan diberi bantuan.
- Kategori 3 -
Pendapatan ibu bapa RM801 -RM900
Perbelanjaan buku teks bagi dua orang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa. Anak-anak lain akan diberi bantuan.
- Kategori 4 -
Pendapatan ibu bapa RM901 - RM 1000
Perbelanjaan buku teks bagi tiga orang anak bersekolah ditanggung oleh ibu bapa. Anak-anak lain akan diberi bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan memandangkan bahawa keadaan taraf kehidupan semakin hari semakin meningkat, berbanding dengan tahun-tahun yang lalu, kaum ibu bapa terdiri dari golongan bekerja tetap menghadapi tanggungan yang amat berat sekali. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang tinggal di kawasan-kawasan bandar atau badar raya terutamanya, maka saya bercadang kiranya dasar kelayakan yang berkenaan dapat dikaji semula walaupun tidak dapat diperkenalkan skim ini kepada semua pelajar di dalam negara kita ini tanpa mengirakan aliran persekolahan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang pertama ialah meningkatkan kelayakan kepada pendapatan ibu bapa mengikut empat kategori tersebut iaitu:

- Kategori 1- dari RM700 ke bawah kepada RM1000
- Kategori 2 - dari RM701 hingga RM800 kepada RM10001 hingga RM1200

- Kategori 3 - dari RM801 hingga RM900 kepada RM1201 hingga RM1400
- Kategori 4 - dari RM901 hingga RM1000 kepada RM1401 hingga RM1600

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini juga sedia maklum bahawa pendapatan RM1000 bukan lagi satu jumlah pendapatan yang besar dibandingkan dengan harga barangan keperluan yang semakin meningkat sekarang.

Bayangkanlah sekiranya seorang kerani biasa yang bergaji RM1000 sebulan yang mempunyai tiga orang anak tinggal di Bandaraya Johor Baharu atau Kuala Lumpur sama ada terpaksa membayar sewa rumah atau perlu membayar ansuran pinjaman perumahannya sekurang-kurangnya akan menghabiskan 25% hingga 1/3 daripada pendapatannya. Maka ibu bapa yang berkenaan perlu berjimat dengan cermat sekali dengan baki pendapatannya untuk perbelanjaan seharian bagi keluarganya termasuk perbelanjaan persekolahan anak-anak. Seterusnya saya berasa amatlah wajar dan sesuai bagi pihak kementerian untuk mengkaji semula tentang perkara ini sejajar dengan perkembangan dan keadaan ekonomi semasa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah masalah penswastaaan perkhidmatan. Kita tidak pernah menafikan pada dasarnya penwastaaan merupakan satu dasar yang baik. Ia bukan sahaja dapat meningkatkan mutu pengeluaran atau perkhidmatan yang diswastakan, Namun ia juga dapat mengurangkan kos pengurusan kerajaan dan menambahkan hasil kerajaan pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun, kita tidak berharap bahawa dasar penwastaaan bagi perkhidmatan awam yang berkenaan juga membawa implikasi yang kurang menyenangkan umpamanya cuma mementingkan keuntungan dan mengabaikan tanggungjawab sosial semata-mata.

Soal kekurangan bekalan air telah menimbulkan polemik baru mengenai dasar penwastaaan kerajaan. Ini kerana konsesi perkara bekalan air telah diberikan kepada Puncak Niaga iaitu sebuah syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan kelicinan bekalan air kepada pengguna di Lembah Klang . Masalah

bekalan air ini hanya merupakan satu daripada beberapa projek penwastaaan yang mendapat perhatian rakyat. Selain daripada itu saya harap banyak syarikat swasta lain dengan kelemahan-kelemahan mereka, contohnya kegagalan Syarikat Puncak Niaga untuk memberi bekalan air yang mencukupi sehingga catuan dibuat di Lembah Klang.

Kedua, pengurusan penbetungan yang tidak teratur oleh Indah Water Konsortium. Ketiga, perkhidmatan bas awam dimonopolikan oleh Syarikat Intrakota dan Park May, tanpa perkhidmatan yang memuaskan berbanding dengan bas mini. Perkara keempat, gangguan bekalan elektrik sentiasa berlaku di bawah Tenaga Nasional Berhad. Kelima, kenaikan kadar tol lebuhraya yang dianggap terlalu kerap dan tinggi serta menyulitkan pengguna oleh projek Lebuhraya Utara-Selatan. Dan Keenam, projek pembinaan Kerinchi Link oleh Sistem Penyuraian Trafik.Kuala Lumpur Barat Sdn. Berhad, yang menyentuh sebahagian bucu Universiti Malaya dan dikatakan mengganggu ketenangan kampus dan mencemar imej pusat pengajian tinggi tertua di negara ini. Akhir sekali kontroversi laluan kedua Johor-Singapura oleh Linkedua Sendirian Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, adalah telah menimbulkan suatu gambaran dimana perkhidmatan-perkhidmatan awam diswastakan dimonopoli seolah-olah bukan untuk kepentingan orang ramai, sebagai contoh penwastaaan bekalan air di Selangor, memberi gambaran yang buruk kepada penswastaaan. Pengguna di Kuala Lumpur menimbulkan kemarahan dan kehilangan kesabaran akibat tiada bekalan air, sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, menyuarakan perkara ini barulah tindakan diambil. Malangnya masalah ini masih belum berakhir. Semua pihak yang berkenaan tetap cuba mengelak daripada tanggungjawabnya dan bagi rakyat keseluruhannya biarlah diuruskan secara lama adalah lebih baik daripada diswastakan demikian rupa. Dalam hal ini saya menyokong kepada syarat baru yang diperkenalkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang menetapkan suatu perjanjian penswastaaan dilarang mengubah kepada pemegangan ekuiti selama tiga tahun kecuali untuk tujuan penyenaaraian di Bursa Saham Kuala Lumpur. Peraturan baru ini dilihat sebagai perlu bagi memastikan

projek swasta berkenaan tidak jatuh ke tangan mereka yang tidak berkemampuan sehingga meninggalkan keberkesanan satu pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mencadangkan kerajaan perlu memastikan syarikat swasta yang diberi konsesi sesuatu projek mempunyai kemampuan untuk melaksanakannya termasuklah memiliki kemampuan dari segi kewangan yang cukup, kepakaran teknikal dan pengurusan yang diperlukan bagi melaksanakan projek besar berkenaan. Sehubungan dengannya kerajaan juga harus meningkatkan aliran maklumat mengenai suatu projek yang diswastakan kepada rakyat bagi mengurangkan tentangan mereka. Selain dari pada itu, usaha untuk mengenal pasti dan menyenarai hitam syarikat swasta yang bukan sahaja tidak bertanggungjawab malah menunjukkan jadi dan cuba menyalahkan orang lain sekiranya satu perkara berlaku kepada kelemahan atau kecuaiannya.

Akhir kata, dasar penswastaaan mula dilaksanakan oleh kerajaan pada tahun 1983 ini, dapat terus memberi kepada rakyat. Sebarang masalah dan kerumitan yang dihadapi oleh rakyat hendaklah diberi perhatian segera dan jadikan pengajaran bagi membolehkan projek-projek penswastaaan selanjutnya dilaksanakan dengan lebih baik dan boleh diterima umum.

Tuan Yang di-Pertua, kami harap syarikat-syarikat yang diswastakan perlu lebih peka serta bertanggungjawab kepada kehendak dan kesulitan rakyat semata-mata dan bukan hanya peka serta bertanggungjawab kepada pemegang saham atau ekuiti sahaja sehinggakan pada suatu hari nanti sepertimana banyak syarikat besar yang mengalami masalah semasa kegawatan ekonomi ini, mereka telah kembali kepada rakyat atau kerajaan untuk mendapatkan pertolongan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah saya pohon menyokong penuh Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Tuan Long, dulu.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya turut membahaskan Usul Titah Ucapan Diraja yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki Kamaluddin pada 13 Mei 1998, yang lalu. Sebelum itu saya juga mengucapkan takziah khasnya masyarakat Orang Asli di negeri Terengganu, atas kemangkatan Sultan Mahmud

Al-Muktafi Billah Shah Ibnu Almarhum Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah Sultan Terengganu Darul Iman pada 14 Mei 1998 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan masyarakat Orang Asli. Selepas negara kita mencapai kemerdekaan sejak 40 tahun yang lalu, negara kita telah dilanda dengan kegawatan ekonomi, nilai mata wang kita jatuh dan kegawatan bekalan air. Bagi masyarakat Orang Asli mereka bertambah gawat. Terutamanya tahap sosio-ekonomi yang memang jauh tertinggal dibandingkan dengan masyarakat yang lain di negara ini. Dari segi kualiti hidup, hanya 25% atau 4,676 keluarga mendapat bekalan elektrik. Hanya 40% atau 7,481 keluarga mendapat bekalan air. Perigi, sungai menjadi rakan penghidupan masyarakat ini sejak merdeka lagi - alah bisa tegal biasa. 47 % rumah-rumah Orang Asli masih dari bahan-bahan tempatan dari kayu-kayan, atap rumbia, rotan dan nipah. Masyarakat lain membuat pelbagai tuntutan berebut-rebut daripada rumah PPRT hingga kepada rumah kos rendah dan mewah. Hanya 3,823 unit rumah dibina oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, daripada 42,309 unit rumah yang dilaksanakan di bawah program PPRT.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 18,704 keluarga Orang Asli, terdapat 81.45% berada dalam golongan miskin termasuk 48.85% atau 9,135 keluarga tergolong dalam kategori termiskin. Cuba bayangkan, daripada sejumlah itu hanya 166.66 hektar tanah diberi hak milik. Saya mengharapkan kerajaan perlu mengambil perhatian yang amat serius termasuk kerajaan negeri jangan dasar bertukar dasar dan wujud pelbagai dasar sedangkan pelaksanaannya masih ditakuk yang lama dan pelbagai alasan yang kita terima. Dengan senario yang ada ini pelbagai pihak telah mengambil kesempatan. Beberapa NGO memeralatkan masyarakat ini untuk meluaskan dan mengeksploitasikan .. untuk kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, asas utama dalam penyelesaian permasalahan ini selain daripada reformasi pembangunan semula masyarakat ini adalah melalui reformasi pendidikan. Untuk makluman Dewan ini, 66% masyarakat Orang Asli masih buta huruf, manakala 60% merupakan keciciran pelajar daripada sekolah rendah ke sekolah menengah. Melalui kajian yang dibuat oleh Universiti

Kebangsaan Malaysia dan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam tahun 1997 yang lalu, 159 orang pelajar yang tercicir telah menyatakan sebab-sebab mereka berhenti sekolah. Kesimpulannya daripada kajian tersebut 65% berpunca tiada tarikan untuk bersekolah. Fenomena ini yang menyebabkan mereka jemu, malas, tidak minat ke sekolah dan selalu dimarahi guru.

Saya mencadangkan satu program kokurikulum perlu dirangka secara berasingan mengikut tempat, persekitaran dan keperluan suku kaum perlu diadakan bagi menangani atau mengurangkan keciciran. Kementerian Pendidikan sekarang ini mementingkan kecemerlangan dan bestari terhadap pelajar-pelajar sehingga melupakan kempen kesedaran seperti orang-orang Melayu tahun 60-an dulu. Pepatah “semut dengan gula” perlu diwujudkan. Guru-guru perlu didedahkan dengan ilmu pengembangan kaunseling dan motivasi, adat istiadat, pantang larang dan keperluan suku kaum perlu dipelajari. Di samping itu kementerian perlu memberi peluang kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dengan syarat-syarat yang minima seperti guru-guru jurusan Bahasa China dan Bahasa Tamil bagi masyarakat orang Asli melanjutkan ke maktab-maktab perguruan dan boleh disyaratkan pada mereka dengan syarat yang paling minimum, dan mereka ini merupakan senjata untuk berkhidmat kepada bangsanya sendiri di pedalaman kelak.

Baru-baru ini, saya sendiri telah menghantar lapan permohonan untuk dipertimbangkan masuk ke maktab-maktab perguruan seluruh negara. Dengan persaingan yang ada, keputusan melalui penilaian komputer, tidak ada timbang tara atau budi bicara, saya meramalkan kesemuanya ditolak. Walau bagaimanapun, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, melihat kembali permohonan tersebut dengan agenda yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai Radio Televisyen Malaysia (RTM), Siaran Radio 7 - Siaran Orang Asli. Sejak tahun 1959 selama setengah jam seminggu diberi laluan, tahun 1961 meningkat satu jam seminggu, tahun 1969 tiga jam seminggu, tahun 1973 dua jam sehari, tahun 1994 empat jam sehari dan yang terakhir sejak 22 September 1997 enam jam setiap hari mulai jam 3 petang hingga 9 malam. Melalui gelombang FM 91.1 khz dan gelombang pendek 4 meter 6,025 khz. Masalahnya siaran tersebut hanya tertumpu kepada etnik Semai dan Temiar iaitu sebahagian Suku Kaum Senoi sahaja. Suku Kaum Senoi yang lain, Jahut, Che' Wong., Semoq Beri, Mah Beri dan 12 etnik

yang lain seperti kata “ada serupa tidak ada”. Di kawasan pedalaman pula siarannya tidak jelas dan kadangkala tidak kedengaran langsung. Jadi saya mencadangkan supaya dialeknya dipelbagaikan. Kementerian Penerangan harus mengkaji kesesuaian gelombang bagi pendengar-pendengar di pedalaman di samping programnya dihidangkan dengan agenda-agenda ilmiah, kempen kesedaran, penyampaian polisi kerajaan dan tidak seperti apa yang berlaku sekarang ini, lebih tertumpu kepada aspek hiburan semata-mata.

Dengan saranan itu saya turut menyokong Usul Titah Diraja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di -Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali.

5.07 ptg.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Bismilahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan yang singkat ini untuk sama membahaskan Titah Ucapan.

Untuk memulakan mukadimah pada petang ini terlebih dahulu saya rakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang baru dilantik Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin dan telah memberi ucapan sulungnya yang amat berani, bernas ucapan kandungannya adalah menyuarakan hati dan perasaan pelbagai lapisan masyarakat di negara kita. Terima kasih, dan diharapkan keberanian kelantangan dan ketulusan ini terus diamalkan sehinggalah hari-hari yang akan datang.

Saya juga mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih bagi pihak rakyat miskin, mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang telah mengarahkan IPTA memberi kelonggaran kepada para pelajar miskin membuat bayaran sewaktu pendaftaran hanya setakat yang mampu kerana soal ini telah saya bangkitkan acapkali, cakap saya itu adalah merupakan tangisan batin para pelajar yang miskin dan pada petang ini rakaman ini adalah merupakan rakaman terima kasih daripada pelajar yang daif dan miskin itu.

Walau bagaimanapun, terdapat keributan yang berlaku di Kementerian Pendidikan pada masa kini kerana sistem yang baru diperkenalkan, Infoline telah menggawatkan keadaan, menyusahkan para pelajar. Saya lihat dengan mata saya sendiri, di kaki lima Blok J, Damansara, ribuan pelajar bersimpuh mengisi borang baru dan membuat surat rayuan, itu satu. Bagi orang kampung, angkat telefon, Infoline engaged memanjang, dapat pun panjang ceritanya, “Terima kasih kerana anda menghubungi Infoline”, sila tekan nombor ini, tekan nombor itu, ini mengambil masa yang panjang, bayar mahal, jawapannya maklumat tidak lengkap, sila datang. Cuba fikir orang kampung dari jauh datang naik bas, belum mandi, belum makan pagi, naik teksi pergi ke Damansara, tanya orang, saya tengok ini. Satu peristiwa yang berlaku, ini bukan dongeng, seorang pelajar kampung dapat surat tawaran masuk ke UM, siap dengan barang, surat sudah ada, pergi lapor diri, nama tidak ada dalam senarai. Saya haraplah sekiranya syarikat swasta yang mengendalikan Infoline ini, eloklah kita mansuhkan perjanjian ini kerana menyusahkan para pelajar.

Pada suatu hari saya bawa orang kampung datang ke Damansara naik kereta dari kampung saya ini ke Kuala Lumpur paling cepat 8 jam, bawa laju disaman, bawa slow lambat sampai. Saya pergi ambil borang, yang beri borang itu senyum pun tidak, dia unjuk dan saya terima, saya tanya dia macam mana hendak masuk, dia pun beritahu “ada resit tak yang kita pos itu” tunjuk resit dan dia beritahu, saya isi dan serah. Kita serah sahaja, ha! taruh di situ. Cakap budi bahasa yang amat kasar sekali. Bagi orang

kampung yang datang dari jauh mengharapkan layanan yang terbaik ataupun dapat memberikan penerangan yang sejelas mungkin. Inilah masalah yang dihadapi sekarang dan menjadi isu besar kepada para pelajar yang ingin masuk ke Pusat Pengajian Tinggi. Tentang ucapan terima kasih, tetap terima kasih, yang tegur perlu ditegur. Ini perlu kita perbetulkan.

Apa yang telah dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat semalam terdapat para pelajar yang ekonominya baik terlebih awal mendapat pinjaman ataupun biasiswa daripada agensi yang tertentu. Dapat sahaja apa yang mereka beli? Bukannya mereka beli buku, sebab mereka telah ada buku, yang lain-lain sudah cukup, handphone, mini kompo, ini betul, mereka membeli barang-barang yang bukan keperluan pendidikan tetapi merupakan kemudahan yang dinikmati oleh orang-orang korporat. Ini satu perkara yang harus diteliti, mungkin penjaganya terdiri daripada orang-orang yang berpengaruh atau hampir dengan orang-orang yang berkuasa maka yang miskin tetap kelaparan, yang berada tetap dengan kemewahannya dan kemudahan-kemudahan yang tertentu. Ini perlu kita fikirkan, saya bimbang kemarahan orang miskin ada batasnya. Apabila orang miskin ini bangkit tidak ada ubat, lihatlah gambaran yang jelas yang berlaku di negara jiran kita ini. Maruah miskin apabila kelaparan mereka tidak lagi memikirkan soal maruah tetapi mereka memikirkan soal apa yang perlu diisi oleh anak-anak mereka, ini perlu. Walaupun ringkas tetapi tetap ada kepedasannya.

Oleh kerana pada masa ini terdapat para pelajar kita yang mendapat keputusan yang cemerlang. Pusat Pengajian Tinggi kita ada hadnya, hendak masuk IPTS belanjanya mahal. Walaupun dalam kegawatan ekonomi kerajaan semesti dan sewajarnya mewujudkan lebih banyak IPTA sebolehnya diwujudkan di setiap negeri. Oleh kerana kemasukan ke sekolah menengah berasrama penuh ada hadnya, maka saya cadangkan diwujudkan sekolah menengah cemerlang dengan memberi kelengkapan tenaga pengajar dan alat pembelajaran yang secukupnya bagi memenuhi keperluan yang terdapat di masa kini. Oleh kerana diberi tempoh yang singkat, jadi saya singkatkan ucapan saya.

Di dalam kegawatan ekonomi hari ini terdapat golongan yang perlu diberi pembelaan iaitu pemandu teksi di Lembah Kelang ini. Hentikanlah meluluskan lesen-lesen teksi kepada syarikat yang besar-besar, 200, 300, 400 buah, cara ini kita mewujudkan sistem penghambaan. Setiap seorang pemandu teksi, kalau hendak memandu teksi mesti membayar pendahuluan kepada syarikat itu antara RM4,000 hingga RM5,500. Kalaulah seorang pemandu mendapat teksi dengan duit itu mereka telah dapat membayar wang cagaran untuk membeli sebuah teksi kerana harga sebuah teksi lebih murah kerana tax. Ini perlu diteliti sebab kalau kita tengok Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen mana ada yang menaiki teksi, tidak ada. Yang menaiki teksi ialah Ahli Dewan yang macam saya ini. Kita naik teksi kita tanya dia, dia pun ceritalah, pada masa ini sewa tetap sama antara RM43 hingga RM45 satu hari. Bukannya teksi boleh berjalan tanpa diisi minyaknya, minyaknya RM30 hingga RM75.

Dalam kegawatan ekonomi sekarang pendapat di antara RM70 ke RM80 sahaja. Rumah sewa perlu dijelaskan, anak perlu dijaga, ditanggung makan minumannya. Tetapi sekiranya permit teksi diberi dengan cara individu, setiap pemandu hanya memerlukan RM20 sehari untuk membayar insurans. Minyak tetap RM30 dan jumlahnya RM50, dan kalau dapat RM80, RM30 telah dapat menanggung sara hidup keluarganya. Saya tengok ramai yang bercakap soal menyelamatkan syarikat, seorang berdua cakat cukuplah. Tetapi orang tidak fikirkan masalah keperitan hidup yang dialami oleh orang-orang ini. Saya berharap mana-mana negara yang prihatin, yang membela orang-orang miskin, insya-Allah, negara itu akan mendapat keamanan, keharmonian dan kemewahan. Contohnya negeri Terengganu Darul Iman di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Wan Mohktar Ahmad, membelanjakan wang untuk menolong orang-orang miskin, untuk memberi biasiswa, untuk mengadakan pelbagai bidang pendidikan. Walaupun PAS kuat, tetap menang, itu contoh yang terbaik.

Yang akhir, kira-kira banyak lagi ini, saya catat panjang tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya minta Menteri Pembangunan Luar Bandar memansuhkan sistem payung untuk membina jalan-jalan kampung ini. Sistem payung ini tidak memberi faedah hatta melambatkan penyiapan naik taraf jalan kecil sahaja. Saya telah diberitahu oleh orang-orang yang terlibat 'tauke payung' ini cakat Terengganu, 'tauke payung' telah memanggil pemborong kelas F untuk ditawarkan kerja, harga yang sepatutnya RM61,000 setiap 1 kilometer, syarikat payung ini menawarkan RM43,000 kepada kontraktor kelas F orang yang mendapat ini merayu lagi dinaikkan RM53,000. Ini dapat kita bayangkan bahawa syarikat payung ini mendapat RM8,000 keuntungan, kalaulah 3 ribu kilometer berapakah keuntungan yang diperolehi? Jalan yang ditarik ini senang sahaja 1 kilometer bagi pemborong kelas F paling lewat 2 minggu pasti siap dan ada kontraktor kelas F yang dapat menyiapkan 1 kilometer dalam masa 3 hari sahaja.

Saya bimbang sistem ini dilaksanakan kerana terdapat kepentingan-kepentingan yang tertentu, ikhlas saya katakan bahawa kita jangan pandang kepentingan tetapi yang pentingnya keadilan dalam menentukan sistem ini. Cukuplah ucapan saya yang ringkas pada petang ini, dengan itu saya menyokong Usul Titah Ucapan yang telah dibentangkan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di -Pertua: Puan Kamilia binti Ibrahim.

5.21 ptg

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang Di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk bangun menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah merupakan satu daripada petanda-petanda dan matlamat negara menuju arah memasuki alaf 21 dan juga pada hemat saya krisis ekonomi, kewangan dan pasaran saham yang telah bermula bulan Julai 1997 juga adalah merupakan satu isyarat utama apakah yang akan kita hadapi dalam alaf 21.

Bahawasanya kita diingatkan, kita perlu berkeupayaan dan berkemampuan menguruskan perubahan dan kesinambungan dalam konteks ledakan teknologi maklumat, globalisasi dan keterbukaan, ketidakadaan sempadan dan apa bentuk sekatan dan politik dunia - unipolar atau seperti mana disebutkan Tony Blair dan Bill Clinton sebagai the third way, dengan izin dan pelbagai perubahan yang tidak menentu seperti mana yang dikatakan semasa George Bush menjadi Presiden Amerika dengan berakhirnya Perang Dingin.

Tuan Yang di-Pertua, terbukti semasa kita menghadapi satu serangan secara global atau antarabangsa dari aspek kewangan sahaja seperti yang telah berlaku baru-baru ini dalam bentuk spekulasi mata wang dan pencerobohan pasaran saham kita kurang persediaan, kita kurang memberi perhatian untuk sama-sama menjadi pelakon dalam dunia global ini kerana walau apa sekalipun kita katakan, kita perlu menjadi a global player, dengan izin, kerana dunia tidak lagi mempunyai sempadan, kita tidak lagi boleh bersendirian, bersoliloquy, kerana tidak dapat bersama bermain dengan apa juga lakonan global. Kita sebenarnya telah diperingatkan serangan-serangan ekonomi yang telah berlaku di Mexico, di U.K dan juga kejatuhan bank-bank seperti Bank Daiwai, credit Leonard, di France dan juga the big bank di United Kingdom dalam 1986 dan dalam pasaran saham. Sesungguhnya proses globalisasi ini bukannya satu perkara polemik atau akademik, ianya satu realiti perlu dihadapi dengan penuh teliti. Kita perlu berperanan di peringkat global, prihatin, aktif, proaktif dan inovatif dan pada hemat saya ada 4 perspektif yang perlu kita lihat dalam proses kita menghadapi globalisasi ini.

Pertamanya ialah daripada perspektif politik - banyak telah dibuat ramalan kalau kita baca ramalan-ramalan diakhir alaf 20 ini dibuat oleh majalah-majalah antarabangsa yang telah banyak membuat kajian dan juga teh banyak melihat kepada sejarah apa yang telah berlaku dalam alaf 20. Bahawa dalam alaf 21 ini kita perlulah melihatkan diri kita itu dalam satu konteks di mana antaranya dari segi politiknya mungkin keantarabangsaan atau internalization dengan izin. Dalam semua aspek pengeluaran perdagangan kewangan ancaman kepada sekuriti, komunikasi, penyelidikan, pendidikan dan kebudayaan dan juga mungkin akan berlakunya pergantungan antara negara-negara yang akan meningkat dan sekali gus akan membahayakan dan jika tidak persimbangan komuniti negara dan dengan izin outonomous nation states, maka permasalahan pengimbangan kepentingan nasional dan kepentingan antarabangsa akan berlaku. Apatah lagi di dalam konteks ini ramai di antara rakan-rakan dalam Dewan telah sedar bahawa semangat patriotism nasionalisme yang perlu ditunjukkan. Hampir kita dikecam kerana tidak dapat diberikan satu penonjolan, apatah lagi apabila kita memikirkan dalam konteks kita semua akan menjadi warganegara global. Bagaimanakah sebenarnya perlu kita menghadapi perkara-perkara ini. Ianya tidak jauh, kita pun telah melaluinya dalam satu ujian yang begitu perit seperti berlakunya di dalam Julai 1997 dan kini. Saya ingin mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita perlulah memikir kembali apakah peranan kita, arah tuju kita dan bagaimanakah persediaan kita untuk menghadapi masalah-masalah yang akan kita hadapi nanti.

Saya ingin mencadangkan Biro Tatanegara di Jabatan Perdana Menteri dikaji semula peranan dan pelan tindakannya agar dapat berperanan bersesuaian dengan alaf 21 dan dijadikan sebahagian daripada MSC seterusnya berkeupayaan menggunakan teknologi maklumat untuk membina warga bangsa dan memastikan bahawa struktur politik negara sendiri akan terus menjadi stabil. Biro

Tatanegara perlu mengubah posisi atau dengan izin, reposition dengan polisi-polisi dan juga tindakan-tindakan yang bukan hanya mengambil kira perkara-perkara peringkat nasional tetapi juga diperingkat antarabangsa dan seterusnya kita juga perlu mengambil kira selain daripada dunia unipolar ini juga, perlu mengambil kira anggota-anggota organisasi-organisasi antarabangsa seperti di PBB yang akan berperanan penting untuk menentukan keamanan dunia.

Keduanya saya juga ingin mencadangkan satu institusi penyelidikan maklumat, penyampaian maklumat seperti ISIS perlu memberi satu fokus kepada teknologi tinggi maklumat untuk dapat menjadi satu badan yang pro-aktif menyebarkan maklumat untuk bertindak pantas membalas dan mendahului media Barat dalam mematahkan dakwaan-dakwaan yang tidak adil terhadap negara kerana ini adalah salah satu daripada senjata yang digunakan oleh Barat dalam penjajahan pemikiran rakyat di negara ini. Negara ini dan juga di negara-negara lain.

Ketiganya saya juga ingin mencadangkan dalam kita menghadapi dan juga akan melaksanakan MSC dan juga menghadapi ledakan multimedia yang tidak dapat dibendung untuk kita mengadakan satu penyelidikan atas insan dan implikasi multimedia ke atas rakyat dari aspek pembentukan insan dan seterusnya dapat kita menggubal undang-undang dan dasar-dasar yang sepatutnya dapat mewujudkan warga bangsa yang bermoral dan beretika.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, there is the need for a rethinking of the future - a determinism of idealis and pragmatism absolute. Ada di antara kita sudah tidak percaya kepada idealisme tetapi saya masih yakin dan percaya bahawa hanya dengan idealisme yang tinggilah maka kita akan dapat mencapai matlamat negara dengan lebih baik.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan bahawa kita perlu mengkaji dan mewujudkan satu sistem perundangan yang mantap antaranya ialah perlulah kita menyemak balik kepada sistem pentadbiran negara dan sama ada perlu kita menyemak balik perlembagaan negara supaya kuasa-kuasa, bidang kuasa yang diberi kepada negeri-negeri dan Persekutuan dapat diselaraskan bagi tujuan melaksanakan banyak masalah yang timbul, masalah-masalah gawat yang telah kita hadapi contohnya masalah air dan juga environment. Begitu jugalah dengan kuasa pelaksanaan undang-undang seperti undang-undang syariah dan sebagainya. Walaupun kita dapati bahawa perkara ini memang di bawah kuasa negeri dan kita telah cuba untuk menyelaraskannya tetapi acap kali kita dapati bahawa banyak masalah ini tidak dapat diatasi kerana adanya sekatan-sekatan di dalam perlembagaan. Kita tahu bahawa kita mengamalkan sistem feudalisme tetapi saya merasa sudah sampailah masa untuk kita memikirkan satu bentuk pentadbiran negara yang lebih dinamik supaya kita tidak tersangkut dan juga kita tidak menjadi sebuah negara ataupun pentadbiran yang selalunya akan menghadapi masalah oleh kerana perundangan yang wujud.

Saya juga ingin mencadangkan dalam konteks perundangan, penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang perlulah dilihat bukan sahaja diperingkat nasional tetapi juga undang-undang antarabangsa, dan diperingkat nasional saya ingin mencadangkan terutamanya dalam konteks penguatkuasaan yang juga merupakan salah satu aspek yang menimbulkan berbagai-bagai masalah supaya kita mewujudkan satu badan utama untuk dapat melaksanakan undang-undang dan penguatkuasaannya dapat di'centralise'kan, dengan izin agar kita dapat pelaksanaan dan

penguatkuasaan yang lebih berkesan dan dalam konteks undang-undang antarabangsa juga sudah sampailah masa kita berperanan untuk memastikan undang-undang antarabangsa tidak hanya tinggal sebagai konvensyen-konvensyen yang tidak direktifikasikan tetapi tidak dapat dikuatkuasakan, ini adalah perkara yang mungkin boleh kita perjuangkan di peringkat antarabangsa agar undang-undang itu dalam erti kata yang sebenarnya sepertimana yang dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk adanya regularisasi bagi undang-undang sistem kewangan global dan sebagainya.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang pentadbiran kerajaan, kita dapati banyak telah dilaksanakan tetapi saya fikir saya akan berucap tentang pentadbiran kerajaan dan JPA dalam belanjawan nanti kerana kesuntukan masa. Walau bagaimanapun, saya inginlah mencadangkan bahawa salah satu daripada fakta yang telah menimbulkan pelbagai masalah di negara kita ini sepertimana yang diperkatakan oleh rakan-rakan yang lain ialah dari aspek etika -etika pengamal-pengamal sama ada pengamal perniagaan, pengamal pentadbiran, pengamal undang-undang, pengamal akaun dan sebagainya. Kita dapati bahawa kurangnya kita menekankan kepada etika, maka banyaklah masalah yang mencerobohi etika yang menyebabkan contohnya - syarikat-syarikat korporat yang mempunyai masalah-masalah kerana adanya mismanagement atau salah pentadbiran atau wujudnya CBT atau pecah amanah dan saya ingin mencadangkan kita mengembalikan status rasa 'specialisation', dengan izin, kepada kumpulan-kumpulan profesional ini terutamanya kepada kumpulan profesional seperti kumpulan doktor, peguam, ahli akademik, akauntan dan jurutera.

Kerana ada disebut dalam sebuah buku yang ditulis oleh seorang British bernama Elliot Krause yang bertajuk "Death of the Guilds Professions, States and Advance of Capitalism". Di sini, pihak penulis telah menyuarakan rasa bimbang kerana hilangnya rasa profesionalisme dalam profesion-prefesion yang dianggap profesion yang tinggi ini sebagai profesional, maka dengan kerana kehakisan etika ini, mereka yang sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang begitu tinggi terhadap masyarakat, contohnya doktor – banyak telah disuarakan rasa tidak puas hati tentang tindak-tanduk dan juga tuntutan-tuntutan dari segi caj dan fee daripada doktor yang kita rasakan sepatutnya tidak wujud. Maka perlulah kita kembalikan apa yang dipanggil "the guild" dengan izin, agar ada rasa

keistimewaan pada profesion itu sendiri dan bukannya hanya kerana untuk mendapat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, perspektif yang kedua, saya ingin sentuh secara rumusannya ialah dari perspektif ekonomi. Kita dapati bahawa ekonomi juga akan menjadi satu perkara yang begitu penting, bukannya setakat alaf 20 tetapi juga alaf 21. Bagaimanakah negara akan menghadapi kedudukan atau status ekonomi negara dalam masa akan datang terutamanya? Apakah kelemahan sistem ekonomi negara sekarang, tentu sekali banyak kajian telah dibuat. Saya percaya kerajaan telah banyak membuat berbagai-bagai kajian tetapi ada satu perkara penting yang ingin saya cadangkan untuk membolehkan kajian-kajian dan juga polisi-polisi, apa polisi itu sebenarnya terutamanya dalam polisi ekonomi, untuk kita dapatkan polisi-polisi yang tepat iaitu kita perlu mempunyai data yang cukup untuk membantu 'policy makers' dengan izin, membuat keputusan-keputusan. Mengikut laporan Malaysian Institute of Economic Research (MIER) baru-baru ini, mengatakan bahawa kita tidak mempunyai cukup maklumat atau data mengenai harga import dan eksport – kategori komoditi contohnya. Kita juga tidak mempunyai data tentang pendapatan dan juga data jangka jam dan sebagainya supaya kita dapat memberikan polisi-polisi yang tepat.

Adalah dicadangkan Jabatan Statistik Negara perlulah dipertingkatkan dan dapat memberikan maklumat-maklumat sepertimana yang diperlukan untuk 'policy makers', maklumat-maklumat tersebut perlulah terperinci. Saya tidak tahu apa masalahnya di Jabatan Statistik tetapi daripada apa yang saya dapati dari laporan MIER dan juga dari apa yang saya dengar memang banyak masalah di Jabatan Statistik yang tidak dapat memberi maklumat-maklumat yang tepat.

Kita juga telah mendengar rakan-rakan dalam Dewan menyentuh tentang penyelidikan dan pembangunan di mana universiti juga tidak dapat membantu kita di dalam penyelidikan. Saya juga ingin mencadangkan bahawa universiti-universiti, IPTA dan IPTS perlulah diberi kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi supaya mereka dapat merupakan satu badan penyelidikan yang tinggi. Antara lain, perlulah adanya di IPTS atau IPTA – pengkalan data, kemudahan peralatan, kemudahan perpustakaan, contohnya

kekurangan jurnal, pembantu penyelidik yang menjadi masalah – kesuntukan masa, beban syarahan kerja yang panjang, kekurangan pakar penyelidik, kurangnya interaksi dengan industri dan lambatnya ataupun birokrasi yang tinggi yang tidak membolehkan penyelidikan dilaksanakan dengan baik.

Lima elemen penting yang saya harapkan pihak kerajaan akan dapat memberi perhatian yang serius kerana pada dasarnya ucapan saya ini adalah menumpukan kepada pentingnya penyelidikan dan pembangunan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah, contohnya sebuah syarikat luar yang telah melabur sebanyak RM15 milion untuk mewujudkan satu ‘Research and Development Plan’ di Johor Bahru, baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya dari segi sosio-budaya, saya ingin merumuskan bahawa kita perlu memikirkan dasar-dasar alternatif kepada apa yang ada sekarang ini dari aspek cara hidup dan kualiti hidup. Saya ingin mencadangkan kita membentuk satu dasar baru – dasar alternatif. Yang pertama tentang makanan – kita banyak memperkatakan tidak cukupnya makanan negara dan perlunya satu rombakan kepada Dasar Pertanian Negara. Saya ingin mencadangkan kita memikirkan satu diet baru untuk orang-orang Malaysia supaya pergantungan kepada makanan-makanan yang tertentu dapat diubah.

Saya merasakan masalah pertanian ini bukan sahaja daripada kerana tanah yang tidak subur, kerana tidak cukup benih, kerana ada gangguan-gangguan lain seperti babi hutan dan sebagainya. Tetapi ini semua untuk mengatasinya memerlukan wang iaitu kos yang mungkin kita tidak ada banyak untuk dibelanjakan. Jadi mungkin kita perlu memikirkan cara alternatif yang tidak memerlukan kos yang tinggi tetapi dalam masa yang sama dapat menyempurnai kehendak masa.

Saya juga ingin mencadangkan dasar alternatif dalam Dasar Perumahan Negara, kita memang menghargai apa tindakan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit sahaja.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Alright, thank you. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, hendak habis dah. Perumahan, saya ingin mencadangkan satu dasar baru yang kita panggil ‘Home Office’ ataupun konsep “Perumahan Pejabat”

iaitu galakan diberi kepada mereka yang tinggal di kawasan bandar dan tempat kerja kepada orang-orang yang bekerja dan digalakkan mereka yang tidak bekerja lagi untuk tinggal di kawasan luar bandar.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah dari perspektif environment yang kita tahu tidak kurang pentingnya bagi kita memikirkan dalam persediaan alaf 21. Pengawalan environment – bagaimana, macam manapun, perlu diingatkan itu merupakan satu environment mampan seperti kebajikan, ekonomi mampan memerlukan sensitiviti bukan hanya untuk pertumbuhan ekonomi tetapi juga kepada penghakisan sumber semula jadi.

Saya rasa ramai di antara kita perlu berbalik kepada fikiran menggunakan apa yang diperlukan dan bukan hanya untuk apa yang tidak kita perlukan kerana cabaran utama alaf 21, ramai telah meramalkan bukanlah cabaran berbentuk pelbagai tetapi sebenarnya adalah cabaran moral iaitu bagaimanakah kita melihat kepada alaf 21. Apapun yang dibuat dari semua perspektif-perspektif perlulah berlandaskan moral yang tinggi dan rasa tanggungjawab yang besar, yang kita bersesuaian dengan apa yang dikatakan kebajikan kepada manusia sepertimana yang diajukan oleh Aristotle dan juga diajukan oleh Imam Al-Ghazali dan pemimpin-pemimpin yang telah melalui pelbagai masalah manusia dan dunia ini.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaludin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Khoo.

5.45 ptg.

Datuk Khoo Keok Hai: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membahas serta memberikan pandangan dan juga menyokong Usul Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, selepas sepuluh tahun kemajuan ekonomi yang begitu canggih, kita yakin kemakmuran negara kita akan bertambah baik tetapi kita berasa terkejut susulan serangan kejatuhan nilai mata wang Ringgit dan pasaran saham.

Walau bagaimanapun, kita bersyukur dalam kepimpinan kerajaan kita yang kukuh dan kecintaan kepada negara yang diberikan oleh warganegara Malaysia.

Kegawatan ekonomi kini tidak seteruk sepertimana yang dirasakan oleh beberapa negara di rantau ini. Memandangkan polisi-polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan kita, saya amat yakin bahawa kita mempunyai kebolehan sumber alam dan ketabahan hati untuk memulihkan kegawatan ekonomi ini. Kini kesabaran, kepercayaan dan sokongan dari rakyat jelata Malaysia kepada kerajaan kita memainkan peranan yang penting dalam meletakkan kembali negara kita ke kedudukan yang kukuh.

Dalam kegawatan ekonomi kini telah memberikan satu pengajaran kepada kita iaitu kita seharusnya membina satu ekonomi yang kukuh agar dapat menahan sebarang tekanan luar, satu ekonomi yang berdasarkan kepada kekukuhan sumber alam tempatan yang tidak akan dipengaruhi oleh ugutan luar dan lebih fleksibel kepada serangan luar dan manipulasi. Oleh sebab itu, kita seharusnya mengkaji semula dan mencari jalan untuk mengukuhkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya ingin menyentuh dalam dua perkara iaitu berkenaan dengan pelaburan asing dan institusi kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun, ia memerlukan pelaburan asing untuk membantu keusahawanan kita. Dalam keghairahan kita untuk mengalu-alukan pelaburan asing, kita mestilah berhati-hati supaya kita tidak keterlaluan bergantung kepada pelaburan asing sebagai pembangunan perdana.

Pelaburan asing seharusnya bertindak sebagai satu penambahan kepada keusahawanan kita khususnya dalam bidang-bidang yang mana kita kekurangan modal dan teknologi, kita mestilah menggunakan pendekatan yang berlainan untuk menerima pelabur-pelabur asing untuk memastikan ianya tidak ada persaingan yang tidak adil dengan keusahawanan tempatan kita.

Dalam bidang-bidang yang kita mempunyai kebolehan untuk melakukannya, tidak ada alasan ketara mengapakah kesempatan itu tidak seharusnya diberikan kepada rakyat jelata tempatan. Polisi liberalisasi kita berkenaan dengan perdagangan dan pelaburan seharusnya dilaksanakan secara berperingkat, ini bukanlah kepentingan negara kita membuka pintu untuk mengundang kemasukan persaingan asing.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita telah membenarkan pelabur-pelabur Taiwan ke negara kita, kebanyakannya berusaha dalam industri kayu-kayan yang mengeluarkan papan lapis dan produk lain untuk dieksport.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Khoo Keok Hai: Tuan Yang di-Pertua, perusahaan kayu-kayan adalah satu perusahaan yang mampu dikendalikan oleh usahawan-usahawan tempatan. Walau bagaimanapun, tidak ada tanda yang ketara bahawa pelabur-pelabur Taiwan datang melabur di sini dengan modal sendiri yang secukupnya. Mereka meminjam banyak wang daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan tempatan untuk membeli tapak kilang sebagai gadaian, dalam beberapa kes mereka mengimport mesin lama dan pembelian mereka itu dibiayai oleh bank tempatan.

Jika perniagaan mereka baik, keuntungan yang mereka dapati itu telah dikirimkan ke Taiwan, mereka berada di sini bukan cuma bersaing dengan pengusaha-pengusaha industri kayu-kayan tempatan secara langsung, malah ada insiden manakala perniagaan mereka gagal, mereka melarikan diri dengan meninggalkan gaji tidak dibayar dan hutang yang banyak sepertimana penutupan kilang-kilang Taiwan yang berlaku di Semenanjung Malaysia.

Satu contoh, baru-baru ini, telah diketahui di Sandakan, Sabah ada sebuah kilang papan lapis telah diambil alih kerana ia tidak mampu membayar balik pinjaman sebanyak lebih kurang RM31 juta yang diluluskan oleh sebuah bank tempatan kepadanya tidak termasuk hutang-hutang yang telah dibuatnya kepada syarikat-syarikat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita tidak mempunyai perhubungan diplomasi dengan Taiwan, oleh sebab itu, semasa pelabur-pelabur Taiwan melarikan diri, peniaga-peniaga tempatan menghadapi kesulitan untuk mengesan mereka supaya hutang-hutang yang dibuat oleh mereka itu dapat dijelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah berwaspada terhadap pelabur-pelabur asing yang tidak mempunyai modal yang kukuh dan melabur sesuka hati sahaja.

Semasa kita mengalu-alukan pelaburan asing, permohonan mereka mestilah diteliti dan kegiatan mereka mestilah diawasi dengan sewajarnya, cuma pelabur-pelabur asing yang sah dengan modal dan kemahiran dan teknologi yang mencukupi haruslah dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan institusi-institusi kewangan pada keseluruhannya kesihatan ekonomi sektor kewangan biasanya menggambarkan kesihatan ekonomi negara. Dalam kegawatan ekonomi kini yang dihadapi oleh negara, menunjukkan betapa dahsyatnya bank-bank tempatan kita memberikan pinjaman wang yang begitu besar tanpa membuat penelitian yang akhirnya menjadi tanpa pelaksanaan non performing loans, dengan izin, khususnya wang pinjaman yang diberikan untuk membeli saham dan akhirnya menjadi gadaian kejatuhan pasaran saham mengakibatkan gadaian itu tidak ada nilai dalam beberapa kes.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan isi kandungan sebuah rencana yang termuat dalam *Far East Economic Review* keluaran pada 2 April tahun ini yang telah menyatakan bahawa banyak Dolar Amerika wang pinjaman dari bank-bank di Labuan telah diluluskan kepada syarikat-syarikat asing yang berkaitan dengan syarikat-syarikat atau jutawan-jutawan Malaysia.

Menurut laporan rencana itu wang pinjaman yang dibuat dari Labuan dalam tahun 1997 berjumlah AS\$17.4 bilion, sebanyak AS\$11 bilion wang pinjaman itu telah diberikan kepada syarikat-syarikat perseorangan Malaysia, semua pinjaman itu dalam kiraan Dolar Amerika dan mengikut susut nilai wang Ringgit Malaysia kita, mereka telah menjadi 30% lebih mahal untuk membayar balik dalam wang Ringgit.

Memandangkan ekonomi negara kita begitu canggih dalam sepuluh tahun kebelakangan ini, mengapakah bank-bank tempatan kita terlalu ghairah untuk memberikan wang pinjaman yang besar-besaran kepada sektor korporat disebabkan oleh kegawatan ekonomi yang telah berlaku tahun lalu mengakibatkan sektor korporat kita menghadapi masalah dalam urusan pembayaran balik wang pinjaman.

Oleh sebab itu, bank-bank dan institusi-institusi kewangan kita terus diheret menghadapi masalah dan kemelut. Sekarang kita telah mempelajari satu pengajaran dan walau bagaimanapun, kita yakin dengan sepenuhnya kita dapat mengatasi kegawatan ekonomi ini tetapi kita memerlukan masa untuk memulihkannya.

Kerajaan kita seharusnya menentukan polisi-polisi untuk mengawasi aktiviti-aktiviti wang pinjaman institusi-institusi kewangan kita. Saya berpendapat bahawa institusi-institusi kewangan kita dalam pendekatan mereka untuk memberikan pinjaman, seharusnya berdasarkan kepada produktiviti orientasi dan syarat-syarat tertentu yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul untuk menyampaikan Ucapan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

5.58 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, bila saya nampak Tuan Yang di-Pertua masuk hati saya pun sangat gembira. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bangun untuk menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

[Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin memasuki Dewan]

Oh, sekarang ini masuk. *[Ketawa]* *[Bertutur dalam bahasa Cina]*

Usul yang berbunyi bahawa mengucapkan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapannya pada 23 Mac tahun ini.

Yang di-Pertuan Agong adalah Yam Tuan Negeri Sembilan dan Yang di-Pertuan Agong adalah disayangi bukan sahaja dari rakyat jelata di Negeri Sembilan tetapi juga dari seluruh Malaysia mengasihi Yang di-Pertuan Agong kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyediakan ucapan saya selama 10 hari 10 malam. *[Ketawa]* Kalau hendak berucap saya ingat 3 jam sampai pukul 10 malam akan selesai.

Tuan Yang di-Pertua: 10 hari satu malam?

Tuan Yim Chee Chong: Tidak, saya menyediakan ucapan saya selama 10 hari sepuluh malam.

Tuan Yang di-Pertua: Satu malam?

Tuan Yim Chee Chong: Bukan satu malam tetapi kalau saya hendak berucap satu malam sampai pukul 10 malam, akan tetapi ramai sahabat saya belum berucap. Jadi, saya ingin pendekkan 20 minit ataupun 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: 20 minit panjang itu.

Tuan Yim Chee Chong: Ha?

Tuan Yang di-Pertua: 20 minit pun panjang.

Tuan Yim Chee Chong: 20 minit, 15 minit ya.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah penuh dengan semangat perjuangan, semangat perjuangan untuk memajukan Malaysia tanah air yang kita cintai. Semangat perjuangan ini adalah menunjukkan Kerajaan Pusat yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim menunjukkan kebolehan mereka untuk memimpin negara kita ke arah kemajuan dan untuk menyelesaikan segala masalah kewangan dan krisis ekonomi yang melanda negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh keselamatan negara. Keselamatan negara adalah amat penting kepada rakyat jelata. Kita dalam Malaysia pada hari ini menikmati keamanan dan kedamaian. Kita harus bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, pemimpin kita yang menamatkan pemberontakan komunis.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan adalah amat penting dan dimimpikan oleh rakyat jelata yang hidup dalam sebuah negara yang kacau bilau. Kita rakyat Malaysia telah mengalami peperangan dunia kedua. Kita mengalami pemerintahan Jepun. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun mengalami pemerintahan Jepun yang begitu zalim. Tentera Jepun telah membunuh seramai lebih daripada 50 orang rakyat jelata di Malaysia dan juga rakyat Malaysia menghadapi keadaan darurat. Hari ini kita menikmati keamanan dan kedamaian.

Kita tengok keadaan yang berlaku di Indonesia pada hari ini begitu kritikal, begitu teruk keadaannya. Nyawa dan harta benda rakyat jelata tidak terjamin. Mengikut laporan berita seramai 500 orang telah terkorban dan mati akibat rusuhan itu. Rakyat jelata pada esok – mengikut laporan berita lebih 1 juta rakyat ataupun mahasiswa-mahasiswi akan menunjuk perasaan di Jakarta meminta Presiden Sukarno meletak jawatan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Presiden.....?

Tuan Yim Chee Chong: Ah, ah, Suharto. *[Ketawa]* Sukarno – Bong Karno dahulu jadi Presiden tetapi pada tahun 1995 digulingkan oleh Presiden Suharto. Bong Karno adalah Bapa Kemerdekaan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, seramai lebih daripada 1,000 orang perompak beramai-ramai merompak dan memecah kedai, membakar kedai, sebanyak lebih daripada 1,000 buah kedai

dibakar. Perantau Tionghua di situ, saya tidak mengetahui sama ada mereka warganegara Indonesia ataupun tidak adalah menjadi mangsa huru-hara dan rusuhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan. Kita harus berjuang bersama-sama untuk menegakkan keamanan dan kemakmuran di Malaysia. Kita harus turut memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita – terus memimpin negara kita ke arah kemajuan, keamanan dan kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin menyentuh mengenai gabungan antara bank dan gabungan syarikat-syarikat sekuriti. Menteri Kewangan negara kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah mengarahkan semua bank dan syarikat kewangan di negara ini bergabung ataupun bercantum di antara satu sama lain untuk menunjukkan kekukuhan bank di negara kita. Pada hari ini kita mengetahui dan dunia juga mengakui sistem perbankan ataupun sistem kewangan di negara kita ini kukuh. Bank dunia dan juga IMF pun memuji kerajaan kita sanggup mengatasi masalah kewangan dan krisis kewangan ataupun krisis ekonomi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada gabungan bank, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan kita supaya mencantumkan ataupun menggabungkan syarikat-syarikat sekuriti. Ahli-ahli Yang Berhormat adakah sesiapa membeli saham? Yang rugi, yang menang? [*memandang ke arah Ahli-ahli Yang Berhormat*] Tidak ada? Semua kata tidak ada. Saya yakin ada tetapi kata tidak ada. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, kawan-kawan saya ramai yang membeli saham tetapi rugi. Ada orang tanya, “Hello Yang Berhormat Yim, you selalu keluar masuk bangunan Parlimen, ada jumpa menteri, timbalan menteri, terutama Menteri Kewangan ataupun Timbalan Menteri Kewangan, apa hint ada, tolong beri saya satu share, mana satu share hendak beli?”, saya untung sedikit! Ramai orang minat beli share tetapi pada hari ini sebanyak 64 buah syarikat saham ataupun sekuriti di dalam negara kita ini di mana 4 buah syarikat telah di suspended, dan juga sebanyak 13 buah syarikat sekuriti kecil di bawah jagaan pihak berkuasa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya kalau boleh macam gabungan bank dan syarikat kewangan kita cadangkan kepada syarikat-syarikat sekuriti supaya mencantumkan syarikat mereka antara satu sama lain supaya kedudukan kewangan syarikat-syarikat sekuriti itu teguh dan menjamin kepentingan pembeli-pembeli saham.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin menyentuh tentang sumbangan kepada tabung khas negara. Kerajaan kita menyeru kepada rakyat Malaysia supaya memberi sumbangan kepada negara pada masa yang genting dan kritikal ini dan juga telah menubuhkan satu tabung khas negara. Sesiapa boleh beri donation dengan wang ringgit, emas, cincin, diamond apa sahaja bentuknya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah memberi sumbangan sebanyak RM15,000 wang asing, ada Renminbi, US Dollar, Hong Kong Dollar, Taiwan Dollar semua berjumlah lebih kurang sebanyak RM15,000. Isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ada juga memberi sumbangan wang asing sebanyak RM40,000, dan juga emas, diamond semua

berjumlah RM70,000 – sumbangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suami isteri berjumlah RM125,000 untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya ingin mendermakan sebanyak RM1,000 pusingan pertama untuk negara. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua tolong menyampaikan wang saya kepada tabung khas negara. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja Dewan Negara tetapi juga Dewan Rakyat, rakyat jelata di seluruh Malaysia kita harus menyokong penuh kepada seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Saya orang pertama dalam Dewan ini beri sumbangan sebanyak RM1,000 untuk negara, ini pusingan pertama. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat beri sokongan kepada Perdana Menteri kita. Tentang emas, saya tidak ada emas, lima-enam tahun saya di Parlimen tidak ada cincin. Saya pernah membeli satu cincin 30 tahun dahulu semasa hendak kahwin, harganya RM30 sahaja dahulu. Saya tidak ada cincin, jadi tidak ada sumbangan cincin. Saya ada wang RM1,000 untuk negara.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yim Chee Chong: Dato' Zuki.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: RM500 sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: RM50,000.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Yim yang dia hendak derma RM1,000 ini adalah satu perkara yang serius. Sekiranya ini berlaku, dia kata ini pusingan yang pertama. Berapa pusingan lagi yang dia hendak derma? *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pusingan tidak banyak. *[Ketawa]* Oleh kerana ekonomi negara kita tidak lama akan pulih, keadaan ekonomi kita akan baik, sebab Bank Dunia puji Malaysia, Malaysia boleh. Jadi, saya ingat pusingan pertama sahaja. Pusingan kedua saya ingat tidak ada lagi. *[Ketawa]* Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menutup ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai Ahli Yang Berhormat ingin berucap, saya akan berucap dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang akan datang. Pada penutupnya saya menyeru kepada Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Rakyat dan rakyat jelata dari semua lapisan, semua parti baik parti yang memerintah mahupun parti pembangkang menyokong penuh pimpinan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita agar negara kita terus maju, makmur dan aman.

Hari itu saya bertanya Datuk Haji Ibrahim. Dia sebut Great Wall of China, saya tanya siapakah yang mendirikan Great Wall of China? Berapa panjangnya? Apa maksudnya? Dia minta saya jawab. Saya ada jawapan di sini. Tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan saya, saya akan jawab pada kali yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Usul yang dikemukakan oleh Dato' Haji Mohd. Zuki. Sekian, terima kasih.

6.15 ptg.

Tuan M. G. Pandithan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya tidak berhajat untuk

mengambil banyak masa dan menyampaikan satu ucapan yang panjang lebar, tetapi ingin sentuh satu-dua perkara yang saya ingat perlu dibahaskan Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan juga Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang begitu konsisten, teguh, rigid and dogmatic dalam pendirian mereka demi kepentingan negara dan rakyat dan tidak tunduk dan berkompromi dengan prinsip, falsafah, imej dan maruah negara kita dalam tekanan dan tuntutan Barat dan IMF seperti Thailand, Korea dan Indonesia walaupun negara kita mengalami kegawatan ekonomi sekarang.

Saya juga mengucapkan syabas kerana kedua-dua pemimpin utama kita mempunyai confident terhadap ekonomi kita, confident terhadap rakyat kita, confident terhadap negara kita dan lebih ketara mereka mempunyai confident terhadap diri mereka. Inilah menjadi drying-horse ataupun tonik semangat yang memberi confident dalam semua aspek perkembangan bahawa Malaysia akan pulih ataupun pull through daripada krisis ekonomi yang berjerebu negara kita. Inspirasi mereka bukan sahaja membawa aspirasi negara kita akan pulih daripada masalah ekonomi, tetapi juga muncul lebih kuat dan kukuh secepat mungkin. Jika rakyat Malaysia bersatu padu, memberi sokongan kuat dan berganding bahu untuk berdiri teguh di belakang pemimpin kita, maka saya rasa tidak mustahil kita akan mencapai kejayaan dalam cabaran ekonomi yang kita menghadapi sekarang.

Beberapa tahun kita telah menikmati kekayaan dan kejayaan ekonomi negara kita. Sekarang sudah tiba masa untuk menghulurkan sedikit apa yang kita mampu dalam bentuk emas atau tunai ataupun harta benda tanpa mengira kaya atau miskin, seperti Yang Berhormat Tuan Yim katakan. Tetapi orang kaya seharusnya menjadi contoh kepada semua dan tampil ke hadapan untuk membantu kerajaan menangani krisis ekonomi. Mereka semestinya memainkan peranan yang lebih penting untuk membawa berjuta-juta ringgit yang mereka men deposit di bank-bank luar negeri dan simpan di bank-bank tempatan. Mereka juga boleh menderma kepada Dana Rizab Nasional.

Pada bulan Mac 1998, Indian Progressive Front (IPF) Malaysia, parti yang saya menjadi presiden telah mengadakan Perhimpunan Agung Yang Ketujuh. Yang Berhormat Dato' Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan merangkap Setiausaha Agung UMNO telah merasmikan perhimpunan itu. Pada majlis perhimpunan itu, saya sebagai presiden telah mengutip derma untuk mempertingkatkan Dana Rizab Nasional negara kita. Saya dan isteri saya telah menderma cincin perkahwinan saya kepada [*Tepuk*] National Reserve Fund kerana negara lebih penting daripada nilai emas. Kemudian ramai perwakilan IPF telah menghulurkan emas dan tunai secara spontan lebih kurang 400 gram emas dan RM5,000 secara tunai telah dikutip pada waktu itu.

Dalam ucapan Yang Berhormat Dato' Sabbaruddin Chik, beliau telah menyampaikan banyak pujian bahawa IPF adalah parti politik pertama untuk berbuat demikian. Saya rasa kecewa majlis itu tidak diberi liputan dalam TV1 dan TV2. Kalau ada sedikit publisiti, saya rasa senanglah berkempen untuk mencapai matlamat kerajaan mempertingkatkan rizab nasional.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan tentang pengumuman yang dibuat oleh saudara Yang Berhormat yang mengatakan beliau telah mendermakan cincin kahwin berapakah nilainya [*Ketawa*]. Bolehkah

saya tahu apakah jenis cincin itu dan berapakah nilainya? Adakah kita perlu kepada TV untuk kita mengiklankan sesuatu yang kita patut buat atau harus buat terhadap negara.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, emas itu nilai bukanlah sangat penting tetapi 916, real emas bukan palsu.....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan M. G. Pandithan: ...kerana ini cincin perkahwinan yang mempunyai 'sentimental value'. Itu yang sangat penting...

Seorang Ahli: Tidak ternilai.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, dengan kerjasama CUEPACS dan banyak NGO masyarakat India telah mengadakan satu majlis yang besar. Majlis perhimpunan khas untuk memberi sokongan padu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga membakar patung George Soros, the great manipulator of currencies. Pada masa itu Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah merasmikan perhimpunan khas itu tetapi itupun tidak diberi liputan oleh TV1 dan TV2. Saya bagi pihak setengah juta ahli IPF berterima kasih kepada TV3 dan merayu kepada mereka supaya mengagihkan setengah jam untuk Berita Tamil dan Cina kerana sekarang mereka tidak ada waktu untuk mendengar berita.

Saya bersetuju penuh dengan hujah-hujah Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang telah mencadangkan kepada TV1 dan TV2 supaya lebih sensitif dan memainkan peranan yang penting untuk mengutamakan agenda kerajaan dan rakyat untuk membawa manfaat kepada negara dan rakyat.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk bersetuju dengan saudara N. Marimuthu atas pandangan beliau tentang Berita Tamil di TV2. Sebenarnya isu yang beliau bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah isu hebat didebatkan oleh semua pihak masyarakat India termasuk surat khabar Tamil. Berita Tamil adalah satu item yang sangat penting kepada masyarakat India untuk mendapat tahu apa kerajaan Barisan Nasional buat kepada negara dan rakyat. Berita Tamil dalam TV2 adalah satu saluran yang bijak kepada kerajaan untuk menyampaikan kepada

masyarakat India supaya mereka sedar dan memahami agenda dan konsep dan juga mesej kerajaan. TV1 dan TV2 memberi banyak tumpuan kepada hiburan. Hiburan adalah penting tetapi berita adalah lebih penting daripada hiburan untuk mempopularkan prinsip dan falsafah kerajaan dari segi politik, ekonomi, pendidikan, agama dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, banyak negara di dunia terutamanya Malaysia dan ASEAN cukup sedih terhadap insiden-insiden yang sedang berlaku di Indonesia. Banyak nyawa yang tidak berdosa telah maut dalam kekecohan dan demonstrasi yang telah dilakukan oleh Kumpulan Anti Suharto. Perkembangan di Indonesia tidak baik, tidak sihat kepada keharmonian di rantau ASEAN. Insiden seperti ini tidak akan berlaku di Malaysia kerana orang Malaysia lebih berdisiplin dan lebih bertanggungjawab. Orang Malaysia tanpa mengira kaum menyayangi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Bagi kita "Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah Malaysia dan Malaysia adalah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad".

Saya ingin sentuh sedikit tentang reserve makanan di negara kita adalah tanggungjawab kerajaan agar lebih sensitif kepada sensitiviti orang awam tentang makanan. Negara kita sudah pun merasai krisis jerebu, krisis air, krisis ekonomi dan saya kluatir sama ada kita menghadapi krisis makanan kerana negara kita banyak bergantung kepada pengimportan makanan dari luar negeri. Apa yang saya ingin menegaskan di sini ialah negara kita seharusnya berusaha dengan gigih untuk mengatasi apa-apa krisis terutamanya krisis makanan. Peranan kerajaan adalah menyediakan negara kita supaya tidak ada apa-apa masalah apabila ada krisis makanan, sekurang-kurangnya 3 hingga 4 bulan dan tidak terkeliru dan terkejut apabila sesuatu yang tidak diingini berlaku. Ancaman peperangan di banyak rantau tidak boleh diambil ringan.

Di India baru-baru ini, berjaya menjalankan ujian senjata nuklear dan ugutan Pakistan bahawa mereka akan berbuat demikian tidak boleh dinafikan. Banyak negara akan cuba menjalankan ujian senjata nuklear walaupun dunia termasuk Malaysia membantai India kerana mengadakan senjata nuklear. Hasrat generasi

baru Malaysia ialah Malaysia satu hari nanti mempunyai senjata nuklear sendiri dalam zaman dan dunia nuklear ini. Malaysia boleh.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mempertingkatkan status ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia kepada status Kabinet sepertimana yang kita sedia ada di Sabah dan Sarawak. Di Sabah dan Sarawak kerajaan sedia ada Menteri Besar (Chief Minister) dan menteri-menteri kabinet negeri tetapi di Semenanjung Malaysia semua negeri sedia ada Menteri Besar dan ahli Exco. Semua ahli Exco menjalankan tugas yang sama dengan menteri-menteri kabinet di Sabah dan Sarawak. Mengapa wujudnya diskriminasi sebegini? Saya rasa sudah sampai untuk mempertingkatkan dan menyelaraskan status ahli Exco kepada Kabinet Negeri. Saya harap Kerajaan Pusat akan mengambil perkara ini dengan serius dan dengan ini saya turut menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

6.27 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana berpeluang turut membahas menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena istiadat perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Kesembilan.

Malaysia sepertimana kita sedia maklum sebuah negara merdeka dan berdaulat mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan telah mengalami perubahan dan pembangunan yang pesat dengan kadar pembangunan ekonomi pada tahap 88% selama satu dekad. Kejayaan ini adalah satu rekod yang sukar dicapai oleh mana-mana negara dunia yang sedang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan yang dicapai oleh Malaysia antara lainnya adalah disumbang oleh kemantapan sistem pentadbiran dan Perlembagaan.

Pemimpin kita telah meletakkan asas perjuangan yang betul hasil gabungan komponen politik dalam Barisan Nasional secara perkongsian bijak. Walaupun UMNO merupakan parti dominan dalam Barisan Nasional tetapi pemimpinnya tidak pernah rakus kuasa. Adalah menjadi tanggungjawab pemimpin untuk berkhidmat kepada semua rakyat atas kepentingan negara bukan perjuangan yang menjuruskan ke arah kepentingan sesuatu kaum atau kumpulan tertentu. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Malaysia terpaksa melalui proses pembangunan dalam jangka masa lebih daripada 40 tahun tetapi malangnya dilanda kegawatan ekonomi akibat daripada kegiatan spekulasi dan manipulasi oleh orang bernama George Soros yang mengakui dan pernah berkata dengan izin, “the fact that I make so much money is proof that the market are not perfect. I recognise it and exploited it and this is how I get rich”. Akibatnya pasaran saham kita merudum, banyak institusi kewangan dan syarikat menghadapi masalah sehingga memaksa bantuan dan campur tangan pihak kerajaan. Yang lebih menyedihkan lagi beberapa kejadian penyelewengan telah terbongkar yang melibatkan kepentingan awam terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kegawatan ekonomi...

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk sekejap ya. Ada usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 petang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 petang.

Hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 petang.

Perbahasan disambung semula.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada masalah kegawatan ekonomi yang dialami oleh negara pada masa ini, kita semua sedia maklum bahawa bukan Malaysia sahaja yang terlibat dengan krisis ekonomi ini tetapi perkara-perkara yang boleh menimbulkan masalah ataupun beban kepada rakyat ialah mengenai kejatuhan pasaran saham di mana berpunca daripada pelabur-pelabur luar tidak mahu masuk ataupun menarik keluar pelaburan mereka dan dalam masa yang sama beberapa institusi kewangan dan syarikat-syarikat di dalam negara menghadapi masalah-masalah dalaman akibat daripada berlaku penyelewengan dan sebagainya. Kemudian kita dapati bank-bank juga telah menaikkan faedah pinjaman mereka. Inilah yang menjadi suatu beban kepada peminjam-peminjam persendirian seperti peminjam-peminjam usahawan yang baru muncul, peminjam-peminjam rumah murah dan sebagainya. Sebab bagi pihak ahli korporat yang telah membuat keuntungan semasa keadaan ekonomi yang tidak terjejas mereka sudah tentu dapat menikmati keadaan ekonomi yang cukup baik tetapi bagi rakyat biasa yang meminjam kerana membeli rumah, meminjam kerana menjalankan perniagaan kecil sudah tentu mereka menghadapi masalah yang tidak sepatutnya berlaku. Oleh sebab itu adalah difikirkan munasabah kerajaan memberi perhatian kepada golongan-golongan ini supaya mereka dapat meringankan beban membayar hutang-hutang kepada bank dan dalam masa yang sama dapat meneruskan hidup seperti keadaan yang biasa dan normal.

Kita bersetuju dengan langkah kerajaan supaya rakyat bersama-sama menyokong kerajaan dalam usaha memulihkan kegawatan ekonomi sekarang. Tetapi dalam masa yang sama kerajaan perlu bertindak tegas kepada mana-mana pihak sama ada atas nama syarikat ataupun individu yang cuba menyelewengkan wang syarikat ataupun wang kerajaan yang dimiliki oleh rakyat secara tidak langsung sebab sekarang ini kita dapati ramai ahli-ahli korporat ataupun pegawai-pegawai kerajaan ataupun orang perseorangan yang diberi amanah menguruskan syarikat-syarikat ini telah melakukan penyelewengan di dalam syarikat mereka.

Contohnya di dalam RISDA yang di mana saya telah menyoalkan pihak kerajaan mengapakah perkara ini boleh berlaku dengan begitu banyak sedangkan pihak kerajaan gagal untuk menyiasat. Kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen 'kita hanya dapat mengesan hasil daripada laporan orang dalam'. Cuba kita bayangkan kalau pegawai yang terlibat itu di peringkat atasan, siapakah pegawai-pegawai rendah yang sanggup memberi laporan, apakah risiko yang akan mereka hadapi. Ini menunjukkan ketidaktelusan di dalam pentadbiran dan credibility, dengan izin, pihak kerajaan itu boleh persoalkan. Kita tidak seharusnya membiar pihak lain memberi laporan, kerajaan mempunyai kuasa untuk mengetahui, untuk mengawasi apa juga perjalanan di dalam agensi-agensi kerajaan ini. Dan begitu juga beberapa syarikat kewangan, beberapa syarikat yang diberi lesen untuk menguruskan modal membeli saham, menguruskan pelbagai projek tetapi apabila mengumpul wang rakyat akhirnya menyalahgunakan wang ini.

Satu yang boleh saya beri ialah projek Seri Asian Eco Resort di Medan, di mana saya membaca Pengerusi Eksekutifnya menghadapi satu tuduhan di mahkamah di mana wang-wang pelabur yang membeli syer secara pemilik bersama ini telah disalahgunakan dan diselewengkan. Kita sedar keadaan kegawatan ekonomi ini sedikit sebanyaknya memberi kesan kepada perkara ini berlaku tetapi perbuatan mengambil kesempatan keadaan kegawatan ekonomi menyelewengkan wang orang, wang pelabur-pelabur, ini adalah satu perbuatan yang tidak langsung membantu memulihkan kegawatan ekonomi.

Oleh sebab itu kerajaan terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mestilah memberi perhatian kepada masalah seperti ini.

Begitu juga beberapa syarikat yang mendapat lesen menguruskan pelaburan saham daripada orang ramai yang melabur memberi deposit secara sijil saham ataupun wang tunai kepada syarikat-syarikat ini apabila mereka sangkut dan mengalami kerugian maka pelabur-pelabur individu ini menjadi mangsa dan orang-orang yang diberi tanggungjawab ini juga dalam masa yang sama menikmati keadaan yang masih selesa. Kerajaan tidak harus memejam mata di dalam perkara ini, mereka mesti menyiasat dan perlu mengambil tindakan.

Saya juga berharap supaya pihak kerajaan dalam mengajak rakyat bersatu padu menyokong langkah-langkah berjimat, kerajaan juga mesti memastikan supaya segala perbelanjaan oleh agensi kerajaan dan juga jabatan-jabatan kerajaan menampakkan mereka berbelanja dengan cara berhemat. Misalnya dalam masa sekarang ini rakyat masih boleh melihat ada jabatan-jabatan kerajaan ataupun agensi-agensi kerajaan membelanjakan wang kerajaan dan wang rakyat dengan agak lumayan dan membazir. Misalnya mengadakan majlis-majlis yang tidak ada manfaat jangka panjang cuma untuk keperluan dari segi pesta pada masa tertentu sahaja. Ini adalah perkara yang tidak munasabah di dalam keadaan begini. Begitu juga pembaziran dari segi-segi lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maaf ganggu, pasal ada lagi yang hendak bercakap ya, jam sudah beberapa minit ya. Beri peluang orang lainlah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pendatang tanpa izin ataupun pendatang haram. Kita melihat melalui TV pegawai-pegawai penguatkuasa termasuk polis dan sebagainya menangkap begitu ramai sekali pendatang-pendatang tanpa izin tadi. Yang peliknya mereka ini ditangkap di tapak-tapak pembinaan, tempat-tempat yang diusahakan oleh pemaju-pemaju tempatan. Saya tidak tahu sama ada pemaju-pemaju sebagai majikan ini juga dikenakan tindakan, tidakkah kerajaan bercadang supaya memberi permit sementara supaya mereka ini dapat menyiapkan kerja-kerja itu, selepas itu mengenakan denda kepada majikan yang mengambil mereka sekian-sekian banyak, lepas itu barulah menghantar balik mereka. Ini boleh menyelesaikan masalah dan juga menampakkan dari segi perikemanusiaan.

Satu lagi yang kita patut sebut ialah berkenaan dengan kebakaran rumah-rumah setinggan. Kalaulah kerajaan awasi dari peringkat awal supaya setinggan-setinggan ini, pendatang tanpa izin ini tidak membina rumah mengikut sesuka hati mereka maka tidaklah timbul masalah kerugian berjuta-juta ringgit yang akhirnya memperlihatkan seolah-olah kerajaan kita tidak peka kepada masalah ini dari peringkat awal.

Begitu juga masalah krisis air. Saya ingin menyebutkan di sini. Kalau kita buat kajian negara Malaysia ini, termasuk semua negeri mempunyai sumber air yang cukup tetapi malangnya kerajaan tidak begitu serius menguruskan berkenaan masalah air ini. Air yang dibazirkan, air yang hilang di dalam tanah memang cukup banyak, kalau perkara ini diberi perhatian, saya yakin rakyat tidak menghadapi masalah krisis air. Kita lihat apa yang berlaku di Indonesia, kita tidak mahu sampai di satu peringkat, di mana rakyat menunjuk perasaan, rakyat menunjukkan rasa tidak puas hati.

Begitu juga dengan masalah pendidikan baru-baru ini. Begitu ramai pelajar yang layak memasuki pusat pengajian tinggi, tetapi disebabkan kerana sistem yang tidak baik itu maka kebanyakan nama yang layak tercicir. Oleh sebab itu kerajaan hendaklah memberi perhatian terhadap perkara-perkara ini, yang mana kita yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, membuat dasarnya cukup baik. Tetapi mungkin pegawai-pegawai yang menjadi pelaksana dasar ini yang tidak begitu peka dan boleh dipertikaikan kredibiliti membuat perkara-perkara ini berlaku, akhirnya kerajaan yang mendapat gambaran seolah-olah tidak cekap.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya saya menyokong Usul Ucapan Terima Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kita beri orang perempuan dulu ya, sila Yang Berhormat.

6.43 ptg.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama

menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di Dewan yang mulia ini. Saya hanya ingin memperkatakan beberapa perkara yang akan diperkatakan pada masa ini.

Saya menyentuh mengenai perkembangan ekonomi dijangka sederhana. Walaupun kita menjangkakan ekonomi negara akan berkembang secara sederhana, kita harus bersedia untuk menghadapi keadaan yang lebih buruk sekiranya perkembangan ekonomi itu nanti tidak mencapai jangkauan. Kerajaan dan rakyat seluruhnya haruslah bersedia untuk menghadapi perkembangan ekonomi yang lembab dan suasana kegawatan ekonomi yang berpanjangan. Di samping kumpulan pakar bekerja bertungkus lumus untuk memulihkan ekonomi negara, kumpulan lain pula mestilah bertungkus lumus mengawal diri agar tidak mengambil tindakan yang boleh menggagalkan usaha pemulihan ekonomi. Dalam keadaan seperti ini semua pihak mestilah peka dengan arahan dan nasihat yang dikeluarkan oleh kerajaan dari masa ke semasa. Kerjasama yang erat oleh semua pihak kepada kerajaan akan memudahkan pihak kerajaan menangani masalah ekonomi yang sedang kita hadapi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya mengesyorkan agar pucuk pimpinan kerajaan dapat membuat pengisytiharan bahawa kerajaan akan menggunakan sistem ekonomi Islam seberapa yang terdaya dalam memulihkan kemerosotan ekonomi yang sedang melanda negara sekarang. Lanjutan dengan itu, segala jentera hendaklah digerakkan ke arah merealisasikan pengisytiharan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan kewangan sektor swasta. Kejatuhan nilai mata wang memberi kesan kepada semua pihak, tetapi tidak salah jika dikatakan usahawan bumiputera lebih merasai keperitannya, berbanding dengan usahawan kaum lain. Penggembleran tenaga dalam urusan ekonomi yang telah dilakukan sejak merdeka, memang telah banyak membantu kaum bumiputera dalam bidang perekonomian. Sudah ramai usahawan bumiputera yang berjaya menjadi jutawan. Walaupun kita telah boleh dikira berjaya di dalam pengwujudan usahawan bumiputera yang cemerlang secara individu atau perkumpulan kecil, namun kita masih belum boleh dikira berjaya di dalam membentuk kejayaan bumiputera

secara keseluruhan atau perkumpulan yang besar. Kesatuan Usahawan Bumiputera masih tidak mampu membela nasib ahli-ahlinya, terutamanya ketika negara sedang dilanda oleh krisis ekonomi sekarang ini. Sebahagian besar daripada usahawan bumiputera terpaksa gulung tikar. Keadaan ini amat menyedihkan, memandangkan usaha besar yang telah dibuat oleh kerajaan sejak beberapa tahun yang lalu yang sedikit masa dahulu telah menampakkan hasil yang cemerlang, tetapi kini usaha perlu dijalankan dari mula semula.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita perhatikan sebahagian besar golongan usahawan bumiputera terutamanya golongan kecil dan pertengahan tidak mempunyai tabungan rizab yang boleh digunakan tatkala berlaku krisis. Mereka berharap kepada bank-bank semata-mata dan pergantungan kepada bank-bank menambahkan masalah mereka ketika menghadapi krisis ekonomi. Satu langkah yang berkesan perlu diambil bagi mengelakkan keadaan yang demikian berulang lagi pada masa hadapan. Satu bentuk tabungan wajib perlu dilaksanakan kepada semua usahawan. Jika para pekerja diwajibkan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, para majikan atau para usahawan juga seharusnya diwajibkan mencarum kepada satu bentuk tabung amanah peniaga. Caruman tersebut berfungsi sebagai modal yang boleh berkembang melalui pelaburan dalam pasaran saham seperti ASN dan ASB. Ia juga boleh dilaburkan dalam perniagaan dan perusahaan ahli-ahlinya. Dengan cara tersebut, ahli-ahli berpeluang mengelakkan diri daripada meminjam kepada bank-bank yang mengenakan faedah yang tinggi. Bahkan sekarang, semakin tinggi faedahnya dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini dicadangkan agar pihak kerajaan membentuk tabung amanah peniaga dan mewajibkan semua bentuk perniagaan sama ada secara individu dan secara persyarikatan mencarum kepada tabung amanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai agihan kekayaan negara. Bila kita menghadapi krisis ekonomi, di samping kita sama-sama mencari jalan menangani masalah tersebut, apa juga kekayaan negara boleh diagihkan kepada rakyat, seharusnya diagihkan secara meluas, seberapa luas yang boleh. Dalam hal ini,

penekanan harus diberi kepada koperasi-koperasi. Semua koperasi mestilah memainkan peranan yang aktif, merebut peluang dan badan-badan kerajaan mestilah mengutamakan koperasi-koperasi dalam memberi tawaran tender dan perkhidmatan. Koperasi pula mestilah bergerak lebih profesional di dalam melaksanakan tanggungjawab membela ahli-ahlinya. Pihak koperasi boleh bekerjasama dengan pihak korporat dalam melaksanakan sesuatu projek yang diberikan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah lebih baik kerajaan mengutamakan kepada koperasi dalam menawarkan apa juga kontrak, kecuali bagi kerja yang benar-benar di luar kemampuan pihak koperasi yang ada di sini. Itu pun adalah baik jika kontraktor-kontraktor yang mendapat projek berkenaan disyaratkan membuat usaha sama dengan koperasi yang berdaftar di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mengejar kemajuan namun perlindungan kepada rakyat mestilah diutamakan kerana 'tanpa rakyat tiada Malaysia'.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pembangunan luar bandar setelah merdeka selama 41 tahun kita masih perlu membangunkan kawasan luar bandar. Biarpun kita mempunyai Kementerian Pembangunan Luar Bandar namun proses perbandaran kawasan-kawasan luar bandar masih berjalan dengan perlahan. Walaupun kawasan tersebut sudah naik ke taraf bandar tetapi tetap dikenali sebagai luar bandar. Definisi yang jelas perlu diberikan agar dapat dibezakan antara bandar dengan luar bandar. Ini bertujuan supaya peruntukan kawasan luar bandar benar-benar sampai ke kawasan tersebut. Kementerian Pembangunan Luar Bandar haruslah bertindak tegas dalam melaksanakan pembangunan luar bandar agar tidak menggunakan peruntukan luar bandar bagi membangunkan kawasan bandar. Dengan ini proses memperbandarkan kawasan luar bandar akan berjalan dengan lebih cepat. Perlu diingatkan bahawa peningkatan taraf bukan sahaja dalam aspek pembangunan seperti infrastruktur malah lebih penting lagi ialah peningkatan daya fikir. Pembangunan luar bandar haruslah ditumpukan kepada dua aspek iaitu fizikal dan mental.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar Kementerian Pembangunan Luar Bandar merangkakan pembangunan mental yang seimbang dengan pembangunan fizikal dan memasukkannya ke dalam agenda peruntukan yang dipohon dari kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada orang lagi yang hendak bercakap ini.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin menyentuh sedikit tentang kemudahan kesihatan yang sedia ada. Di negara kita terdapat hanya dua tempat yang menyediakan Pusat Rawatan Barah iaitu satu di Kuala Lumpur dan satu lagi di Pulau Pinang. Kini sudah tiba masanya untuk kerajaan menyediakan satu lagi Pusat Rawatan Barah di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu di Kelantan, Pahang dan Terengganu. Bagi saya, saya mengesyorkan supaya pusat ini dibangunkan di negeri Terengganu. Semoga rakyat bersama kerajaan dapat memulihkan semula ekonomi negara ini.

Dengan ini saya turut menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

6.53 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya selaku pengucap yang terakhir juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah di atas ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 23 Mac 1998 yang lalu. Saya akan tuju kepada beberapa perkara yang utama yang masih belum ditimbulkan oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, titah tersebut benar-benar menggambarkan status kedudukan negara yang sebenar dari segi ekonomi, sosial dan politik yang lebih khusus tentang kedudukan negara berkait dengan kejatuhan mata wang dan pasaran saham yang tidak menentu sejak bulan Jun 1997 yang lalu. Pada hemat saya kegawatan ekonomi ini tidak dapat dinafikan, ianya adalah hikmah kepada negara dan juga rakyatnya. Pada pihak kerajaan dicadangkan mestilah lebih berhemah dalam menguruskan perbelanjaan dan tindakan segera kerajaan dalam menanggungkan projek mega amatlah tepat sekali dan saya cadangkan mana-mana projek yang masih dalam perundingan atau MoU seperti mana Projek Kerinchi Link, adakah boleh kerajaan mengkaji semula dan kalau boleh ditangguhkan demi menghayati dan memenuhi keazaman kerajaan tidak boros berbelanja dalam waktu kegawatan ekonomi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan NGO di tanah air. Kini perbahasan ditujukan kepada NGO tanah air yang kini sudah tercemar kredibilitinya dengan tersiarnya dalam dua media British terhadap tuduhan yang mengatakan pihak pemerintah telah mengenakan atau meracuni pendatang-pendatang haram yang datang dari negara Indonesia. Pada hemat saya ini juga satu jenayah, jenayah yang ditaburkan oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk cuba memburukkan nama baik Malaysia di peringkat dunia. Patutkah ini ditinggalkan begitu sahaja, ma ksud saya, patutkah kerajaan tidak mengambil tindakan-tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat dengan angkara tersebut. Saya ingin menyoal pihak kerajaan adakah tidak patutnya dua NGO yang telah kita dimaklumkan oleh Ketua Polis Negara yang mana beliau telah mempunyai bukti-bukti dan kenyataan yang mengatakan dua NGO di tanah air kita ini telah terus terlibat dengan angkara yang tersebut.

Saya juga ingin menyoal apakah pandangan dan perhatian yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada boleh atau tidak pihak kerajaan mengambil tindakan mahkamah terhadap dua media British yang telah menyatakan atau menuduh perkara-perkara seperti mana yang saya katakan tadi. Saya ingin mendapat pandangan dari pihak Peguam Negara adakah saranan yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini berpatutan untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap dua media yang tersebut. Saya juga mengharapkan pihak kerajaan akan memerhati tingkah laku dua NGO yang tersebut dan juga NGO-NGO yang lain, yang cuba meracuni pemikiran rakyat dengan mengemukakan atau menyarankan perkara-perkara yang tidak sepatutnya dikemukakan untuk menjadi ejen-ejen kepada pihak-pihak luar.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan masa hanya tinggal empat minit lagi, saya akan masuk kepada perkara yang ada kaitan dengan rasuah. Seperti mana yang kita telah maklum segala usaha telah dilakukan. Hukuman-hukuman yang lebih berat dikenakan kepada kesalahan rasuah tetapi gejala ini masih berterusan. Jika dalam arena politik disebut politik wang. Walau apa sekalipun pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR) janganlah terkilang untuk teruskan demi melaksanakan kehendak-kehendak rakyat dan juga kerajaan supaya rasuah ini dapat dihapuskan untuk kepentingan negara dan juga rakyat. Saya ingin mencadangkan bahawa Badan Pencegah Rasuah janganlah memilih bulu dan terus bertindak terhadap sesiapa sekalipun sama ada Tan Sri, Datuk, Ahli-ahli Korporat, Tok-tok Guru, Ali dan Baba jika mempunyai bukti-bukti yang cukup untuk mengambil tindakan kepada golongan-golongan yang terlibat dengan kegiatan rasuah ini. Saya juga ingin mendapat sedikit penjelasan dari pihak Badan Pencegah Rasuah berapakah yang masih dalam tindakan mahkamah dan masih dalam siasatan.

Saya natiuhkan kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Persidangan Agung pada 5 September 1997 yang lalu, yang berbunyi "rasuah bukan hanya satu sahaja daripada amalan budaya yang boleh menghancurkan kita, terdapat banyak lagi amalan dan nilai yang buruk yang boleh menghancurkan kita dan kita mestilah hancurkan nilai-nilai buruk ini". Berkenaan dengan ini, saya juga ingin menyarankan untuk mendapat maklumat dari Badan Pencegah Rasuah bagaimanakah kedudukan Perwaja dan sejauh manakah siasatan yang telah dilakukan terhadap tiga pegawai FELCRA yang telah ditimbulkan dalam sidang Dewan yang mulia ini.

Oleh kerana menghayati kehendak-kehendak Dewan maka saya dengan ini menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pun pukul 7.00 malam maka Majlis ditangguhkan pada esok hari jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.

